

ملاک هاری این

Mhi
Sejak 1982**MELAKA HARIINI**

Menyambut Ulang Tahun Ke-40

Misi besar
Mohd
RidhwanEksklusif
MHI

7

>> Jangan alpa, jangan leka.. Bersama-sama kita pelihara nikmat yang diberikan ini..

Ramadan yang dirindui

Dapatkan e-paper
MHI di sini

2,3,4 &5



*Mama di mana-mana,
Pakar Makanan Tradisional*

SEPANJANG BULAN RAMADAN | 9.00 PAGI - 12.00 TENGAH MALAM

017-629 8247 | 3537 KM15 BKT. DODOL 77300 UMBAI, MELAKA



Ambil iktibar, jangan alpa - KM

Farah Suhaidah Othman

SERI NEGERI - Rakyat di negeri ini diminta agar tidak alpa dan terus terluka dalam suasana Ramadan yang lebih banyak berubah pada tahun ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, meskipun lebih banyak kelonggaran diberikan sebaik negara melalui fasa peralihan endemik, namun ia bukan tiket untuk rakyat mengabaikan prosedur operasi standard (SOP).

Kata beliau, pengalaman pada Ramadan tahun-tahun sebelumnya perlu dijadikan iktibar kerana ia mungkin menjadi mesej tertentu daripada yang Maha Esa untuk umat Islam dan rakyat bermuhasabah serta memperbaiki diri menjadi insan yang lebih baik.

"Pelbagai aktiviti keagamaan dilonggarkan, solat tarawih sudah boleh dirapatkan, begitu juga bazar Ramadan dan kita yakin kali ini raya yang paling seronok kerana hampir dua tahun tidak balik kampung meraikan.

"Namun adakah kita hendak kembali ke tahun 2020? Kalau kita tidak lagi



SULAIMAN menyampaikan sumbangan kepada pengurus dan pegawai syarak di Masjid Al-Mujib, Lendu selepas menunaikan solat Isyak dan solat sunat tarawih berjemaah di masjid berkenaan. Foto Mohd Azren Jamaludin

mengambil iktibar, kenikmatan Ramadan tidak dapat dirasai.

"Ambil iktibar kerana mungkin Allah SWT mahu melihat sama ada kita masih beringat atau tidak atau kita masih alpa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Pasca EXCO di Bilik Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di sini, 7 April lalu.

Dalam pada itu, beliau turut menasihati ibu bapa agar menjaga keselamatan

anak-anak dengan tidak membawa mereka berkunjung ke tempat sesak seperti bazar Ramadan dan Aidilfitri tanpa kawalan SOP yang ketat.

"Kita masih perlu berhati-hati, terutamanya

membabitkan anak-anak. Jika tiada keperluan seharusnya mereka tidak perlu dibawa, tinggalkan di rumah.

"Ibu atau bapa yang mana penting barang hendak dibeli (sahaja keluar), kemudian pulang terus,

jangan lagi berpeleseran.

"Kalau boleh pada bulan Ramadan ini, berbelanja dengan cermat, jangan amalkan pembaziran dan patuhi SOP yang masih dikuatkuasakan," katanya lagi.

Tiada keperluan wujud laluan khas bazar Ramadan - Exco

Liana Sahabudin

MERLIMAU - Tiada keperluan untuk mewujudkan laluan khas di bazar Ramadan bagi ibu bapa yang ingin membawa anak-

anak mereka.

EXCO Kesihatan Negeri, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, ia berikutan bulan Ramadan hanya berbaki 25 hari dan bazar Ramadan telah pun berjalan.



MUHAMAD Akmal ketika mengadakan lawatan sempena Program Walkabout Bazar Ramadan Peringkat Negeri Melaka di bazar Ramadan Bandar Baru Merlimau. Foto Iqmal Haqim Rosman

"Kalau kita wujudkan laluan khas untuk ibu bapa yang bawa anak-anak mereka ini, keadaan akan menjadi lebih sesak kerana di bazar adalah laluan awam.

"Kita sudah tiada masa, kalau hendak angkat cadangan laluan khas ini pun paling tidak dua atau tiga bulan sebelum bazar Ramadan berjalan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan Walkabout di Bazar Ramadan Bandar Baru Merlimau di sini, 7 April lalu.

Beliau bagaimanapun berkata, cadangan itu akan dipertimbangkan dan akan diangkat pada tahun hadapan.

"Bazar Ramadan tahun depan kita tak

tahu lagi kita akan tengok, mungkin kita akan ambil kawasan yang lebih besar jika wujudkan laluan khas tersebut," katanya.

Sebelum ini beliau menegaskan bahawa kerajaan negeri tiada halangan sekiranya ibu bapa ingin membawa anak-anak mereka ke bazar Ramadan.

Katanya, ia berikutan tiada undang-undang atau prosedur operasi standard (SOP) yang menghalang untuk membawa anak-anak ke bazar Ramadan.

"Cuma nasihat saya jika terpaksa bawa ikutlah SOP, bagi anak-anak pakai pelitup muka, bagi anak berumur lima hingga 11 tahun seeloknya ambillah vaksin," katanya.

WAKTU SOLAT

11 April- 17 April 2022 (09 Ramadan - 15 Ramadan 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11 April 2022	5.59am	7.08am	1.15pm	4.25pm	7.18pm	8.28pm
12 April 2022	5.59am	7.08am	1.14pm	4.25pm	7.18pm	8.28pm
13 April 2022	5.59am	7.07am	1.14pm	4.25pm	7.18pm	8.28pm
14 April 2022	5.58am	7.07am	1.14pm	4.25pm	7.18pm	8.28pm
15 April 2022	5.58am	7.07am	1.14pm	4.25pm	7.18pm	8.28pm
16 April 2022	5.57am	7.06am	1.13pm	4.26pm	7.18pm	8.28pm
17 April 2022	5.57am	7.06am	1.13pm	4.26pm	7.18pm	8.27pm

Ramadan pintu permulaan segala kerinduan

Faiz Hasan

AYER KEROH - Ramai yang meluahkan rasa syukur setelah bertahun menanti Ramadhan penuh bermakna selepas beberapa kelonggaran diberikan kerajaan sebaik memasuki fasa peralihan endemik.

Justeru Ramadhan tahun ini, suasana yang dinantikan pada bulan ibadah ini merupakan sebuah gerbang segala kerinduan yang dinantikan rakyat setelah dua tahun terpaksa hidup berlandaskan sekat dan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang penularan COVID-19.

Seorang penjawat awam yang merupakan antara golongan barisan hadapan, Dr Mahanim Md Yusuf berkata, suasana berbeza itu dapat dirasai selepas pintu sempadan negara mulai dibuka menjadikannya lebih ramai ahli keluarga yang berjauhan dapat berkumpul semula seperti dahulu.

"Apa yang menariknya adalah amalan norma baru



MAHANIM

sentiasa di tahap tertinggi," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Bagi seorang pensyarah, Akmal Adanan, Ramadhan tahun ini amat istimewa baginya dan warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) berikutnya bulan yang penuh keberkatan ini membuatkan suasana universiti kini bangkit semula dari segala kesuraman. Katanya, kelainan itu



AKMAL

seperti pemakaian pelitup muka dan sanitasi tangan masih diamalkan dengan tekun sepanjang masa.

"Namun bagi kami sebagai penjawat awam dibarisan hadapan, berada di fasa endemik ini tidak merubah sedikit pun tugas dan tanggungjawab dalam pengawalan dan 'surveillance' jangkitan COVID-19.

"Malah, tahap kesiapsiagaan kami untuk menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan kes atau kluster COVID-19 secara mendadak

dapat dirasai apabila sebelum ini kebanyakan pelajar

universiti itu terpaksa berada di rumah bagaimanapun kini dapat menikmati suasana pembelajaran dan pengalaman berpuasa dalam kampus.

"Kampus kembali menjadi meriah dengan adanya pelajar di kampus. Para staf dan pensyarah dapat menyantuni pelajar-pelajar secara bersemuka serta menjalankan aktiviti bersama seperti sebelum ini.

"Menjalani ibadah puasa bersama bersama warga universiti pastinya

suatu pengalaman indah yang akan diingati. Masjid dan kawasan kampus yang sebelum ini sunyi akhirnya dapat dimakmurkan sebagai suatu bukti kerinduan yang lama tersimpan," katanya.

Sementara itu, seorang pelajar, Karisma Durar Kammaruzaman, 26, turut meluahkan rasa syukurnya terhadap nafas baharu yang diberikan dalam kelainan dan keistimewaan Ramadhan tahun ini.

"Pada pandangan saya, istimewanya tentang Ramadhan tahun ini, spesifiknya di kampus, adalah suasannya yang kafeteria kembali meriah. Kalau ikutkan dahulu, terdapat larangan untuk keluar dan masuk kampus ketika bulan puasa.

"Tetapi sekarang dalam fasa peralihan endemik, kita boleh lihat pelajar ke bazar, menunggu waktu iftar bersama rakan-rakan di kafetaria dan ruang ruang yang ada.

"Tarawih juga tiada lagi penjarakan sosial, boleh raksakan ukhwah yang lebih utuh sekali gus mampu



KARISMA Durar

mengimarahkan masjid," katanya.

Sementara itu, seorang pekerja swasta, Mohd Hafizuddin Husain, 32 berkata, segala kelonggaran yang diberikan merupakan satu langkah terbaik dalam mengembalikan kehidupan normal seperti sedia kala.

"Ini satu tindakan yang bijak dan munasabah malah bersyukur kerana inilah perkara yang kita nantikan sebabnya sudah bertahun kita disekat disebalik rezeki," katanya.

'Harga naik, tapi berpada-pada'

Fiqah Jamal

PENGALAN BATU - Rata-rata peniaga di bazar Ramadhan tahun ini terpaksa meningkatkan harga jualan mereka berikutnya kenaikan harga bahan mentah di pasaran ketika ini.

Tinjauan Melaka Hari Ini di bazar Ramadhan Peringgit mendapati harga-harga makanan dan minuman dijual agak tinggi namun kadar kenaikan itu tidak melampaui batas dan mampu dibeli pengunjung.

Bagi Peniaga Martabak Renjang Pak Tan, Mohd Razi Hamid, 38 berkata dia terpaksa menaikkan harga sedikit kerana kos bahan mentah di pasaran seperti ayam, daging dan sayuran mahal.

Katanya, kualiti dan kuantiti makanan yang dijual akan dikekalkan

kan tetapi harga mungkin dinaikkan pada kadar 50 sen ke 80 sen bagi setiap jualan.

"Peningkatan harga pada sayur, ayam, daging dan telur paling ketara. Kebiasaan saya beli telur Gred B sepanjang baru RM9 tapi kali ini harga sepanjang meningkat kepada RM13.

"Saya sekali beli memang beli 12 papan telur untuk dibuat meneiga, memang terasa peningkatan harga dan itu belum masuk lagi barang lain yang meningkat.

"Jadi kami peniaga-peniaga harap sangat kerajaan dapat turunkan harga bahan mentah, jangan terhadkan kami peniaga beli minyak masak atau kedai, satu bungkus sahaja," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Nada sama turut disuarakan buat peniaga Air Balang 7 Jenis, Mohd Muallim Ab Rahim, 37.

Katanya, meskipun hanya menjual air balang namun kenaikan bahan asas seperti susu pekat menyebabkannya terpaksa menaikkan harga.

"Saya yang jual air juga terkejut bila harga barang naik, barang-barang kering, cawan, plastik semua turut meningkat.

"Oleh itu, saya terpaksa naikkan harga jualan sebekas air 500 mililiter kepada RM3.50 manakala air plastik satu liter dijual pada harga RM5.

"Kita sebagai peniaga pun tidak boleh jual terlalu mahal kerana keadaan ekonomi juga masih belum pulih, kasihan kepada pembeli," katanya.



MOHD Razi Hamid, sedang menyiapkan pesanan martabak pelanggan di gerainya di bazar Ramadhan Peringgit.

Tarawih yang cukup istimewa

Mohamad Fazrul Abdul Majid

DUYONG - Jika tahun lalu dan tahun sebelumnya, suasana solat sunat Tarawih di masjid dan surau kelihatan sepi, namun tahun ini seakan bermulanya satu lembaran baharu bagi umat Islam di negeri ini.

Mana tidaknya, bermula tahun ini tiada lagi syarat tertentu seperti

mengehadkan bilangan jemaah, malah penjarakan saf juga telah dikurangkan kepada jarak satu sejadah di antara jemaah bermula 1 April, iaitu sebaik negara memasuki fasa peralihan endemik.

Tinjauan Melaka Hari Ini di Surau Ar Redhuan, Taman Semabok Perdana mendapati suasana berbeza mula dirasai pada hari per-

tama solat sunat Tarawih, pada 2 April lalu.

Jemaah daripada pelbagai peringkat usia kini boleh menunaikan ibadah dengan lebih selesa meskipun masih terikat dengan beberapa prosedur operasi standard (SOP) seperti pemakaian pelitup muka, mengimbas MySejahtera dan membawa sejadah sendiri.

Sementara itu, Tim-

balan Pengurus Surau Ar Redhuan Taman Semabok Perdana, Abu Husin Ismail berkata, dalam usaha mengimarahkan lagi Ramadhan dan suasana tarawih di surau berkenaan, pihaknya telah mengambil inisiatif menyediakan ganjaran bagi anak kariah yang menunaikan solat tarawih penuh selama 30 hari.

Katanya, ganjaran

yang diberikan ialah berbentuk wang tunai RM150 khusus untuk anak-anak berusia 18 tahun ke bawah.

"Inisiatif ini merupakan galakan untuk golongan remaja dan kanak-kanak ikut berjemaah dan kita ingin mereka membiasakan diri dengan solat sunat tarawih 20 rakaat.

"Untuk golongan re-

maja perempuan bawah 18 tahun kita beri sedikit kelonggaran dengan hanya 20 hari untuk mendapat ganjaran berkenaan.

"Untuk menyertai, mereka perlu jujur isi nama dalam buku kehadiran setiap kali hadir, dan kita sarkan dalam 40 remaja tahun ini akan dapat ganjaran ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Kemeriahannya sekitar minggu pertama Ramadan yang lebih bermakna dengan pelbagai kelonggaran diberikan kerajaan



YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam melihat anak bulan pada Majlis Cerapan Hilal Ramadan 1443 Hijrah di Balai Cerap Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara.

Foto: Jabatan Mufti Negeri Melaka



YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan barisan EXCO, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan menuaikan solat tarawih berjemaah selepas Majlis Berbuka Puasa yang diadakan di Istana Melaka. Foto Mohd Azren Jamaludin



KANAK-KANAK antara penerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Tunai Ramadan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu di Dewan KBS, Masjid Tanah disampaikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali. Foto Mohd Azren Jamaludin




GELAGAT kanak-kanak melihat kuih dijual di Bazar Ramadan Taman Cempaka.
Foto Iqmal Haqim Rosman



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali singgah membeli juadah berbuka di bazar Ramadan Masjid Tanah. Foto Mohd Azren Jamaludin

Lihat muka 5

Dari muka 4



SUASANA tenang di Masjid Kampung Hulu digunakan jemaah untuk membaca al-Quran. Foto Iqmal Haqim Rosman



SOLAT tarawih berjemaah tanpa penjarakan fizikal di Surau Ar Redhuan, Taman Semabok Perdana, Melaka. Foto MR. AZLI



IMAM Masjid Kampung Hulu merangkap Amil Zakat, Ustaz Mohd Syafiq Ramli menerima bayaran zakat fitraj daripada Hussein Abdul Wahid. Foto Iqmal Haqim Rosman



PERINGATAN kepada kaki ponteng puasa, penguat kuasa Jabatan Agama Islam Melaka menampal risalah Kempen Penghayatan Ramadan Al-Mubarak dalam 'Op Plastik Hitam Bersendawa' di Bukit Rambai, Melaka. Foto MR. AZLI



PANAS...PANAS...Rosdi Rahanan menyediakan lemang di gerai Lemang Pak Din Muda di Bukit Beruang. Foto Iqmal Haqim Rosman



KEMERIAHAN orang ramai mendapatkan juadah untuk berbuka puasa di Bazar Ramadan Taman Cempaka, Bandar Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Bayar cukai tanah menerusi JomPAY

Farah Suhaidah Othman

SERI NEGERI - Kerajaan negeri memperluaskan kaedah pembayaran cukai tanah di Melaka menerusi JomPAY.

Kaedah itu memudahkan pembayar cukai menunaikan tanggungjawab, sekali gus membantu kerajaan negeri mengutip hasil cukai tanah tertunggak kira-kira RM72 juta secara lebih berkesan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kaedah pembayaran secara atas talian itu boleh digunakan menerusi 42 bank di seluruh negara.

Katanya, caj perkhidmatan RM0.40 bagi setiap transaksi dikenakan kepada 400,000 pemilik tanah dan strata di negeri ini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

"Pembayaran menerusi kaedah JomPAY sudah bermula sejak 1 Mac lalu, yang mana setakat akhir bulan lalu, 11,000 transaksi dilakukan dengan nilai kutipan cukai tanah dan strata sebanyak RM1.5 juta," katanya pada sidang media di pejabat MMKN di sini, 7 April lalu.

Hadir sama, Pengarah Tanah dan Galian, Datuk Md Azhan Samat.

Mengulaslanjut, Sulaiman berkata, selain menanggung caj perkhidmatan JomPAY, kerajaan negeri turut memberikan potongan diskaun setiap tahun bagi menggalakkan pemilik tanah dan strata membayar cukai masing-masing.

"Selain itu Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri turut bekerjasama dengan AmBank untuk memberikan cabutan bertuah kepada pengguna JomPAY dengan hadiah bernilai RM 10,000.

"Diharapkan usaha ini dapat membantu pembayar cukai tanah dan petak menunaikan tanggungjawab mereka disamping promosi diskaun 10 peratus cukai tanah dan petak yang masih berjalan.

"Tunggakan cukai sehingga ini merekodkan sebanyak RM72 juta namun setiap tahun kita mengharapkan dapat mengutip separuh daripada itu, kalau boleh. Itu sebabnya diberikan diskaun setiap untuk galakkan mereka bayar," katanya.

Untuk rekod, lebih RM90 juta cukai tanah dan strata berjaya dikutip pada tahun 2021 manakala lebih RM86 juta dikutip pada tahun sebelumnya.



SULAIMAN (dua dari kiri) melancarkan pelancaran JomPAY untuk pembayaran cukai tanah di Melaka. Foto Mohd Azren Jamaludin

Terowong dasar laut: Melaka tunggu 'lampa hijau' Indonesia

KOTA LAKSAMANA - Terowong dasar laut yang menghubungkan Melaka ke Dumai, Indonesia bakal menyaksikan pertumbuhan ekonomi negeri diperkuatkan sekali gus melonjakkan kemajuan negeri pada masa depan.

EXCO Pelaburan negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, hasrat kerajaan negeri itu bagi pembinaan terowong itu adalah melengkapkan konsep 'One Belt One Road' (OBOR) yang diilhamkan kerajaan China pada 2013 untuk menghubungkan keseluruhan rantau Asia.

Katanya, selaras dengan



AB Rauf

konsep itu, Melaka adalah negeri strategik untuk menghubungkan sebahagian besar

nusantara itu dalam konsep negara Asia Tenggara.

"Sehingga lengkap jambatan itu maka hubungan antara negara Asia Tenggara akan jadi jalan penghubung terbaik untuk kemajuan negeri Melaka itu sendiri dan keadaan ekonomi serantau yang akan dijana daripada pembinaan lebuh raya itu nanti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Ramah Mesra dan Iftar Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Melaka di sini, 7 April lalu.

Mengulaslanjut, beliau berkata bagi peringkat ker-

jaan negeri, inisiatif yang dibawa oleh syarikat swasta itu kini dalam proses untuk penelitian Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

"Setakat ini kita menerima pandangan dan sokongan terbaik daripada kerajaan Pusat, cuma kita sedang melengkapkan beberapa lagi 'database' untuk dibentangkan kepada kerajaan Indonesia.

"Sekiranya, kerajaan Indonesia berikan 'lampa hijau' untuk menjalin kerjasama, insya-Allah kita akan memulakan semua kerja per-

mulaan sama adakajian, perundingan atau perbincangan dengan World Maritime Services yang merentasi Selat Melaka dalam masaterdekat," katanya.

Ab Rauf berkata, setakat ini kerajaan negeri masih menunggu waktu sesuai untuk mengadakan rundingan berhubung perkara itu dengan kerajaan Indonesia bagi membentangkan konsep terowong atau jambatan terbabit.

Jelasnya, lebuh raya yang menghubungkan antara Melaka dan Dumai, Indonesia dijangka mengambil jarak kira-kira 47 kilometer dan ia akan diusahakan oleh sebuah

syarikat dalam kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

"Hubungan antara Melaka dan Indonesia itu bukan terowong sepenuhnya sebaliknya merangkumi 20 peratus jambatan di sempadan Melaka.

"Enam puluh peratus lagi adalah terowong yang mana dianggarkan sejauh 22 kilometer yang mana (jarak terowong) dibahagikan dua negara.

"Ia mestil berbentuk terowong berikutnya kawasan itu merupakan laluan perdagangan, maka 'tunnel is the best solution' (terowong adalah penyelesaian terbaik)," katanya.

Sasar 80,000 hektar tanaman jagung bijian menjelang 2033

Mohamad Fazrul Abdul Majid

JASIN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sudah memulakan tanaman jagung bijian bagi membantu pengeluaran makanan haiwan, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara terhadap bekalan import makanan haiwan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, buat masa ini beberapa negeri antaranya Melaka dan Perlis sudah memulakan projek ta-

naman jagung bijian itu dalam skala yang kecil.

Katanya, tanaman itu penting memandangkan penternak kini berdepan beban tidak tertanggung apabila harga makanan haiwan seperti dedak, jagung dan kacang soya naik mendadak sehingga menjurus kepada kenaikan harga ayam, telur dan daging di pasaran.

Justeru Ahmad berkata, menjelang tahun 2033, sebanyak 80,000 hektar tanah di seluruh negara disasarkan akan ditanam jagung bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Matlamat kita ialah untuk mengurangkan

kebergantungan dari luar dan supaya kita dapat membeli makanan dari dalam negara sendiri.

"Suatu ketika dahulu memang kita ada buat penanaman jagung bijian, tetapi disebabkan harganya yang murah, kita pilih untuk beli dari luar kerana lebih ekonomi."

"Tetapi saban tahun, kita melihat harganya semakin naik, daripada RM500 satu tan, pergi kepada RM900 satu tan pada 2020 dan akhirnya pada 2022 ia naik mendadak kepada RM1,900 satu tan iaitu kenaikan sebanyak 110 peratus.

"Jadi, pada ketika ini kita sedang mencari kawasan-kawasan lain yang bersesuaian untuk penanaman jagung dan pada masa sama, kita mengalu-alukan penyertaan syarikat swasta untuk bersama-sama berlakuk dalam projek tanaman ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Jualan Kasih Rama dan MAFI dan Parlimen Jasin di Perkarangan Pusat Khidmat Parliment Jasin, yang turut dihadiri Ahli Lembaga Pengaruh FAMA Datuk Ghazale Muhamad, 4 April lalu.

Penjawat awam Melaka terima bantuan khas hujung bulan ini

LENDU - Kerajaan negeri akan membuat pembayaran kedua bantuan khas penjawat awam pada hujung bulan ini, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Katanya, pembayaran itu sekali gus dapat membantu penjawat awam negeri melakukan persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang dijadual awal bulan depan.

Katanya, pembayaran itu juga selaras dengan pembentangan

Budget 2022 Negeri Melaka yang diumumkan hujung tahun lalu.

"Perkara ini memang kita sudah putuskan dalam pembentangan bajet tempoh hari yang mana kerajaan negeri akan memberikan bantuan khas setengah bulan gaji atau minima RM1,000 kepada penjawat awam di negeri ini.

"Jadi, awal tahun lalu kita sudah berikan separuh daripada amaun itu dan separuh lagi akan di-

masukkan pada hari raya ini.

"Seperti mana diumumkan, ia tidak lebih dan tidak kurang, yang mana ia melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah lebih RM6 juta," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Ramadan kepada 320 penerima dari Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu, bertempat di Dewan KBS Masjid Tanah.



Bawa suara Melaka di Dewan Negara - Mohd Ridhwan

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Senator Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali akan membawa isu-isu di Melaka untuk didengari dan diselesaikan dengan kadar segera di Dewan Negara.

Beliau yang juga Ahli Dewan Negara berkata, misi utamanya adalah untuk mengecilkan jurang maklumat dan permasalahan akar umbi terhadap apaja isu-isu yang berlaku di Melaka.

Jelasnya, antara perkara yang telah disuarakan adalah hal berkaitan belia dan masalah banjir di Melaka.

"Apabila berada di Dewan Negara ini saya lihat ia merupakan satu platform terbaik untuk mengetengahkan apa sahaja isu yang berlaku di negeri Melaka khususnya dan dibincangkan dalam konteks Dewan Negara.

"Saya bawa isu-isu yang dia-

lamai di Melaka, misalnya berkenaan belia, peruntukan tambahan untuk pergerakan belia di peringkat negeri dan daerah. Saya ada memohon untuk tambah peruntukan menerusi Jabatan Belia dan Sukan negeri untuk mereka laksanakan pelbagai program berkualiti buat belia.

"Kedua isu berkaitan banjir, di mana saya ada membawa isu tersebut kepada kementerian berkaitan terutama mengenai mekanisme terbaik mengatasi banjir, antaranya bagaimana untuk mengalirkan air hujan kelaut dengan cepat.

"Jadi segala jawapan berhubung segala isu yang dibangkitkan dibawa ke peringkat perundingan dan akan dilakukan tindakan susulan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Mohd Ridhwan berkata, selain itu beliau turut membawa isu berkaitan pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri, antaranya berkaitan sampah.

"Manakala isu berkaitan PBT saya bawa isu sampah, di mana Melaka pernah terkenal dengan kebersihannya. Saya menyentuh juga isu pengurusan sisa pepejal di kawasan kampung-kampung.

"Selepas diutarakan isu ini saya melihat pelbagai sudut pandangan untuk menyelesaikan isu terbabit dan kini saya sedang berurusan dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam menghuraikan isu tersebut di peringkat negeri.

"Kerana terdapat dua sudut pandang dan mempunyai jurang maklumat, jadi saya cuba kecilkan jurang dan selesaikan isu dengan kadar segera," katanya.



MOHD Ridhwan dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

5,000 peluang pekerjaan 'oil and gas' buat anak muda Melaka

AYER KEROH - Sebagai usaha membantu golongan belia Melaka dalam mendapatkan pekerjaan, Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) kini sedang giat mempertingkatkan peluang pekerjaan kepada anak jati negeri ini.

Presiden MGBM, Senator Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata, antara usaha itu adalah dengan kolaborasi bersama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan menawarkan 5,000 peluang pekerjaan di bawah projek penyelenggaraan syarikat Petronas.

Beliau yang juga Senator Dewan Negara berkata, peluang pekerjaan itu ditawarkan dalam industri minyak dan gas dan untuk bekerja



GAMBAR hiasan peluang pekerjaan dalam bidang minyak dan gas.

dalam bidang tersebut yang mana ia akan dibuka secara bersasar.

"Buat masaini kita sasar dalam anggaran 100 orang untuk kita latih, kita bagi dia latihan untuk sijil yang perlu dan kita akan hubungkan mereka dengan syarikat-syarikat yang dapat kerja-kerja penyelenggaraan di Petronas Sungai Udang.

"Insya-Allah dengan cara ini setiap tahun kita boleh mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak setiap tahun untuk satu-satu tempoh supaya anak Melaka dapat menikmati peluang pekerjaan dalam bidang 'oil and gas'.

"Dan untuk pekerjaan ini memerlukan beberapa syarat, tunjuk ajar dan saya yakin peluang pekerjaan ini

jika dimanfaatkan seeloknya, jumlah mereka yang menganggur di negeri ini akan berkurangan," katanya dalam wawancara bersama Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Mohd Ridhwan berkata, koperasi di bawah MGBM akan turut bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) untuk membuka satu ruang perniagaan khusus kepada golongan belia yang mahu berniaga.

"Di bawah Koperasi MGBM dengan kerjasama MBMB, kita akan membuka satu tapak ruang perniagaan di Melaka Raya pada setiap Jumaat hingga Ahad sebagai usaha membantu meningkatkan sektor perniagaan dalam kalangan belia di negeri ini," katanya.

Sokong pembangunan belia dalam e-sukan

AYER KEROH - Sekurang-kurangnya satu hab sukan elektronik atau e-sukan akan diwujudkan di setiap negeri termasuk Melaka bagi aktiviti dan pembangunan sukan terbabit dalam kalangan generasi muda khususnya golongan belia.

Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali merangkap Pengurus Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) berkata, perkara tersebut masih dibincangkan di peringkat parlimen.

Katanya, beliau memberi sokongan penuh kepada program berkaitan e-sukan dan akan membawa suara-suara belia Melaka ke peringkat lebih tinggi.

"Di Melaka sendiri mempunyai ramai pemain berbakat yang turut bertanding dalam banyak pertandingan antarabangsa bertaraf Olimpik dalam

permainan seperti Dota 2, Mobile Legends, Counter Strike: Global Offensive, Tekken 7 dan FIFA.

"Di peringkat parlimen, Kementerian Belia dan Sukan juga ada perancangan untuk membina sekurang-kurangnya satu pusat atau hab e-sukan di setiap negeri kerana mempunyai peruntukan untuk membina hab terbabit.

"Cuma isu dalam e-sukan ini adalah bagaimana untuk formatnya markah diselaraskan dalam mengenal pasti pemain terbaik dalam kalangan mereka untuk mewakili negeri ke peringkat kebangsaan," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Mohd Ridhwan berkata beberapa pihak pernah menyuarakan pandangan dan cadangan untuk

membina kursus khas berkaitan e-sukan untuk dibawakan institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) di negeri ini.

"Terdapat beberapa pihak yang berjumpa untuk mengembangkan lagi e-sukan sebagai satu bentuk pembelajaran di negeri ini, misalnya untuk mengajar atau melatih pemain atau pelajar secara profesional untuk menjadi 'gamers' dan seterusnya boleh menjadi atlet dan mampu menjana pendapatan sendiri dengan hasil lumayan seperti 'gamers' sedia ada.

"Saya melihat dari sudut positif, perkara ini memerlukan penyelidikan terlebih dahulu sebelum membentuk kursus melatih pemain, namun perkara itu tidak mustahil memandangkan iatelah direalisasikan di luar negara," katanya.



PEMBANGUNAN belia dalam e-sukan menjadi antara fokus yang diberi perhatian di Melaka.

NO2 - TANJUNG BIDARA

Mercu baharu Kampung Pulau

Liana Sahabudin

TANJUNG BIDARA – Selain memudahkan pelawat daripada luar Melaka mencari arah, mercu tanda baharu Kampung Pulau yang siap dibina secara tidak langsung mengindahkan dan menceriakan persekitaran perkampungan berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, rekaan mercu tanda yang unik itu secara tidak langsung dapat dapat memperkenalkan kampung berkenaan yang dihuni 365 keluarga, kepada penduduk negeri ini dan pelawat

daripada luar.

“Sudah lama kampung ini tiada mercu tanda yang baharu, sebelum ini hanya papan tanda yang sudah usang, jadi saya ambil pendekatan untuk sumbang mercu tanda ini.

“Selain dapat mencantikkan lagi suasana kampung, sudah tentu ia dapat memudahkan penduduk atau orang luar yang ingin datang ke kampung ini mencari arah,” katanya selepas merasmikan mercu tanda berkenaan 1 April lalu.

Ab Rauf berkata, mercu tanda berkenaan mengambil masa selama tiga bulan untuk disiapkan.



AB Rauf merasmikan mercu baharu Kampung Pulau.

NO1 - KUALA LINGGI

Belia 'kuala' kekal aktif

KUALA LINGGI – Lebih banyak pertandingan sukan dan aktiviti riadah akan dianjurkan bagi memastikan belia di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi kekal aktif serta terhindar daripada perka berunsur negatif.

Terbaru penganjuran Kejohanan Sepak Takraw Tertutup DUN Kuala Linggi 2022 bagi merebut Piala YB Haji Rosli Abdullah dianjurkan di Dewan Datuk Wira Halimah Sadique, Taman Rebana Jernih, pada 27 Mac lalu, mendapat sambutan amat menggalakkan dengan penyertaan lebih 20 pasukan.



ROSLI bergambar bersama peserta dan urusetia Kejohanan Sepak Takraw Tertutup DUN Kuala Linggi 2022.

NO3 - AYER LIMAU

Lorong gelap kini terang



JALAN Deli Awal kini diterangi sinaran lampu solar.

Salman Hamat

AYER LIMAU - Keluhan penduduk setempat mengenai Jalan Deli Awal di Kampung Ayer Limau, di sini, yang gelap diatasi dengan pemasangan dua unit lampu solar sebagai penyelesaian jangka pendek.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen

Kunju Basheer berkata, masyarakat laluan gelap itu sudah lama berlarutan berikutan lokasi terbabit yang tidak mempunyai tiang elektrik, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

“Sebelum ini kejadian menjaya seperti ragut pernah dilaporkan berlaku di laluan itu, jadi kami ambil inisiatif pasang lampu solar yang ditumpangkan pada tiang milik

Telekom Malaysia (TM).

“Kami akan berusaha mencari penyelesaian jangka panjang bagi memberikan keselesaan kepada penduduk kerap menggunakan laluan ini,” katanya ketika dihubungi.

Proses memasang lampu yang setiap satu bernilai RM450 itu dijalankan, 5 April lalu dengan dipantau sendiri oleh Hameed.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharlini.myPENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharlini.myPENGARANG
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.myJURUFOTO
AZREN JAMILUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.myLIANA SAHABUDIN
illyann90@melakaharlini.myJURUFOTO
IQMAL HAQIM
ROSMAN
iqmalhaqimrosman@gmail.comFIQA JAMIL
norafiqahjamil93@gmail.comSITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharli

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.myMIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.my

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.comMARKETING
& ADVERTISING EXECUTIVE
SARAH AIDA ABD HADI
sarahaida@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.comPUTRA DANIAL RIZAIDI
putradanal182@gmail.com

MELAKA TV

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zakaria@melakaharlini.myJURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.comJURUVIDEO
& PENYUNTING VIDEOAUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakaharlini.myPENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.myHASBULLAH BIN AZHAR
burneskoabar@gmail.com

NO4 - LENDU

320 orang Lendu terima 'hadiyah' Ramadan

Liana Sahabudin

LENDU - "Walaupun sumbangan Ramadan ini tak seberapa, tapi dapat juga meringankan beban golongan memerlukan dalam fasa peralihan endemik ini," kata Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu berkata, masyarakat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu tidak pernah dilupakan dan setiap tahun khususnya ketika Ramadan mereka akan menerima sumbangan.

"Untuk DUN Lendu sahaja seramai 320 penerima daripada berbilang kaum dan latar belakang menerima sumbangan tunai dan barang keperluan harian.

"Kita akan pergi ke semua enam Parlimen tapi hari ini adalah di DUN Lendu saja, setiap tahun memang saya buat. Alhamdulillah program berjalan mengikut seperti diaturkan.

"Saya yakin wakil rakyat lain juga akan buat di setiap DUN masing-masing," katanya pada sidang media selepas menyampaikan Sumbangan Ramadan DUN Lendu di Dewan Serbaguna KBSdi sini, 5 April lalu.

Jelasnya, setiap penerima sumbangan ditentukan dan dipilih oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) kawasan masing-masing.

"Nama mereka dipilih sendiri oleh JPKK setiap ketua (pengurus) kawasan sebab mereka lebih tahu dan memahami setiap keluarga yang memerlukan.

"Selain berikan tunai kita juga memberikan sumbangan kuih-kuih raya, kit makan seperti beras minyak tepung, gula dan lain-lain," katanya.



SULAIMAN menyampaikan sumbangan Ramadan kepada salah seorang penerima di DUN Lendu.

NO6 - REMBIA

Warga Rembia terima peralatan bercucuk tanam

Mohamad Fazrul Abdul Majid

REMBIA - Seramai lebih 100 warga Dewan Undangan Negeri (DUN) menyertai Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) anjuran Jabatan Pertanian Negeri Melaka.

Menerusi program tersebut, peserta yang layak bakal menerima peralatan bercucuk tanam daripada kerajaan bagi membantu meningkatkan ekonomi keluarga

dan masyarakat setempat. Majlis penyerahan insentif itu telah disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia Datuk Muhammad Jailani Khamis bertempat di Kompleks JAPERUN Rembia, baru-baru ini.

Muhammad Jailani dalam ucapannya berharap peserta dapat memanfaatkan bantuan yang diberi kerajaan dalam mengubah nasib keleluarga mereka, selain memb-

antu pertumbuhan ekonomi negara.

"Saya juga mendoakan dan amat berharap kesemua peserta dapat menjayakan program ini sekali gus dapat meningkatkan pendapatan keluarga dan membantu masyarakat setempat. Insya-Allah," katanya dalam satu hantaran Facebook.

Untuk rekod, pemberian peralatan itu diberikan mengikut dua kategori iaitu individu dan komuniti.



MUHAMMAD Jailani (dua dari kiri) menyempurnakan gimik penyerahan insentif teknologi PENJANA Jabatan Pertanian Negeri Melaka kepada peserta kategori individu.

NO5 - TABOH NANING



ZULKIFLEE melawat keadaan Jalan Lubuk Kepong yang terhakis dan mengalami mendapan akibat banjir.

RM50,000 baik pulih Jalan Lubuk Kepong

TABOH NANING - Jalan Lubuk Kepong iaitu jaluan masuk utama ke Kampung Melekek Dalam yang mengalami kerosakan akibat banjir besar melanda kawasan itu hujung tahun lalu dibaik pulih menggunakan peruntukan berjumlah RM50,000.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning Zulkiflee Mohd Zin berkata, bajet untuk membaiki jalan berkenaan diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

"Kerja pembaikan membabitkan jaluan sepanjang 300 meter yang terhakis akibat banjir, keadaan semakin serius berikutnya ada lokasi yang mengalami men-

dapan.

"Bagi menjamin keselamatan orang ramai dan mengelakkan kejadian tidak diingini selain kerosakan bertambah serius jaluan berkenaan dibaiki segera," katanya.

Terdahulu beliau berkata, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Melekak Dalam melakukan tinjauan di kawasan terjejas, baru-baru ini.

Zulkiflee berkata, kontraktor juga sudah dilantik dan pihaknya berharap kerja pembaikan itu dapat diselesaikan secepat mungkin demi keselamatan penduduk.

N08 - MACHAP JAYA

'Rakyat perlukan kita' - Hee Sem

“ Se la in sumbangan yang diberikan dapat membantu meringankan beban malah kata-kata juga dapat memberi semangat. ”

Siti Salehah

MACHAP JAYA – “Dapat bertentang mata dan berkongsi sendiri membuat hubungan bersama rakyat lebih erat.

“Malah kita sendiri secara tidak langsung dapat merasai situasi dihadapi mereka,” ujar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya Ngwe Hee Sem.

Menurut beliau, menerusi aktiviti ziarah kasih, pemimpin bukan sahaja dapat mengenali rakyat secara lebih dekat malah hubungan silaturahim lebih erat terjalin.

“Saya tidak tetapkan hari bagi aktiviti ziarah kasih ini kerana tidak mahu pergerakan terhad kerana rakyat perlukan kita.

“Apabila dapat maklumat sahaja, saya akan terus bergerak jika tiada hal penting atau mesyuarat yang perlu dihadiri,” katanya.

Menurutnya, selain sumbangan yang diberikan dapat membantu meringankan beban malah kata-kata juga dapat memberi semangat.

Beliau yang juga EXCO Hal Ehwal Pengguna baru-baru ini sempat meluangkan masa menziarahi pesakit kanser iaitu Cikgu Raihan Ithnin dan dua lagi penduduk yang terbabit kemalangan serta mengalami patah kaki.



HEE Sem mengadakan lawatan ke kediaman Raihan Ithnin yang menghidap penyakit kanser prostat di Taman Pengkalan Indah, Alor Gajah. Foto Iqmal Haqim Rosman

N07 - GADEK



SHANMUGAM menyempurnakan simbolik penyerahan Rumah Prihatin di Gadek, baru-baru ini.

Gadek sasar bina 10 Rumah Prihatin

Faiz Hasan

GADEK - Seramai 10 penerima dalam kategori asnaf dan fakir miskin sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Gadek disasarkan akan menerima kediaman baharu menerusi program Rumah Prihatin, tahun ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, V P Shanmugam berkata, program berkenaan bakal menyediakan syurga baharu buat penerima yang kurang berkemampuan di DUN berkenaan.

“Kita akui di Melaka ada antara fakir miskin memerlukan rumah untuk meneruskan kehidupan mereka dan kerajaan negeri sedia membantu mereka berdasarkan peruntukan yang diberikan dengan kelulusan daripada pihak JAPERUN dan ADUN kawasan masing-masing.

“Bermula Jan hingga Mac dua Rumah Prihatin diluluskan kerajaan negeri hasil saringan dijalankan,” katanya selepas menyempurnakan Program Penyerahan Kunci Rumah Prihatin di Gadek, di sini, baru-baru ini.

Beliau menyerahkan kunci kediaman berkenaan kepada dua penerima bantuan iaitu Limah Jentik, 61, dan Nurhayati Salim, 39.

Menurutnya, kedua-dua projek itu diluluskan pada awal tahun ini hasil sumbangan kerajaan negeri menerusi Lembaga Perumahan Melaka (LPM) dan diseliajan Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka.

“Setiap penerima Rumah Prihatin telah menerima kediaman itu dilengkapi dengan kemudahan tandas dan dua buah bilik bernilai RM30,000 buat sebuah rumah,” katanya.

FOKUS
DUN



N09 - DURIAN TUNGGAL

Keluarga Durian Tunggal terkesan banjir dibantu

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Mangsa bencana banjir di Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal terus mendapat perhatian apabila Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Daerah Alor Gajah apabila mereka tampil menyerahkan sumbangan kepada mereka yang terlibat.

Sumbangan itu disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal, Zahari Abd Kalil sebagai tanda prihatian ter-

hadap nasib mangsa bencana banjir di negeri ini khususnya di DUN tersebut.

“Saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada agensi yang turut membantu meringankan beban mangsa yang telah terkesan teruk dengan bencana banjir yang berlaku baru-baru ini.

“Moga sedikit sumbangan yang diberikan dapat membantu sedikit sebanyak kepada ‘Keluarga Durian Tunggal’ saya yang terlibat,” katanya dalam satu hantaran di Facebook rasmiya, baru-baru ini.



ZAHARI menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir.

Jumaat hari bertemu rakyat Paya Rumput



RAIS bertemu rakyat pada setiap Jumaat bagi mengetahui segala permasalahan sebelum mengambil tindakan penyelesaian.

Foto: Rais Yasin

PAYA RUMPUT - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput Datuk Rais Yasin memilih hari Jumaat iaitu penghulu segala hari, sebagai hari untuk bertemu rakyat.

Katanya, hari berkenaan dipilih untuk mendengar segala aduan dan masalah dikemukakan rakyat dan pada masa sama mencari jalan penyelesaian.

Selain itu, hari berkenaan juga menjadi waktu untuk menyampaikan sumbangan kepada mana-mana rakyat yang memerlukan.

"Pelbagai masalah dan aduan yang telah diajukan kepada saya. Insya-Allah saya akan mengambil maklum setiap aduan yang diterima."

"Selain itu, beberapa sumbangan telah diberikan kepada mereka yang memerlukan. Antaranya sumbangan yuran asrama kepada adik Nur Khusairi yang berasal dari Krubong dan sumbangan kepada tiga orang anak Puan Siti yang kurang berkemampuan yang telah memulakan persekolahan."

"Saya berharap setiap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat, saya akan usaha selesaikan agar kebajikan dan kesejahteraan rakyat akan terus terbela," katanya.

FOKUS DUN



N12 - PANTAI KUNDOR

Tragedi 3 Ramadan, pondok usang 25 tahun hangus

Siti Salehah

PANTAI KUNDOR – "Saya hanya mampu menangis apabila melihat pondok tempat saya berteduh musnah dalam sekilip mata," luah mangsa kebakaran, Bilal Baba, 82.

Dalam kejadian kira-kira awal pagi 5 April lalu, pondok didiami warga emas berkenaan di Taman Tangga Batu, di sini, musnah terbakar.

Menurutnya, dia langsung tidak menyedari pondok didudukinya lebih 25 tahun lalu selepas ke matian isteri terbakar sehingga dia terjaga untuk ketandas.

"Kalau tengok keadaan api yang marak ketika itu mungkin sudah rentung saya. Saya sendiri masih terkejut."

"Selepas keluar dari pondok, saya amat bersyukur dan lega kerana masih dilindungi walaupun nekad keluar meredah api," katanya.

Menurutnya, dalam keadaan yang masih gelap itu dia hanya berharap agar adajiran-jiran yang men-

dengar jeritannya.

"Mujurlah tidak lama selepas itu ada jiran yang datang serta menghubungi bomba. Memang tiada satu barang pun termasuk kad pengenalan yang dapat diselamatkan."

"Mungkin buat sementara ini saya akan tinggal bersama anak kerana sudah tiada tempat berteduh," katanya.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 5.39 pagi sebelum sebuah jentera bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tangga Batu bersama lapan anggota bergegas ke lokasi kejadian.

"Pasukan bomba yang tiba di lokasi pada jam 5.45 pagi dapat mengawal api 10 minit kemudian sebelum kebakaran dapat dipadam sepenuhnya pada jam 7.05 pagi."

"Kebakaran membabitkan pondok iaitu sebanyak 90 peratus dan ketika pasukan bomba tiba api sudah marak," katanya.



BILAL menunjukkan rangka pondok usangnya yang hangus terbakar dalam kejadian pagi 3 Ramadan lalu.

N10 - ASAHLAN



Peniaga pasar Ramadan terima lesen

Liana Sahabudin

ASAHLAN – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan Fairul Nizam Roslan menyampaikan sedikit sumbangan dan lesen kepada peniaga di pasar Ramadan, Pekan Nyalas, di sini, 4 April lalu.

Pada lawatan sama Fairul Nizam sempat bertanyakan khabar, beramah-mesra bersama peniaga dan membeli juadah berbuka puasa yang dijual di pasar Ramadan berkenaan.

"Selesai sahaja mesyuarat di JAPERUN, saya singgah menyantuni peniaga pasar Ramadan di Pekan Nyalas."

"Macam-macam menu ada.. terpaut dengan gulai perut, selamat berbuka puasa semua," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya.

Peniaga yang menerima lesen berkenaan bukan sahaja ceria malah memberikan maklum balas positif kerana usaha dijalankan membantu mereka mencari pendapatan dalam keadaan lebih selesa.

N14 - KLEBANG

Dua fokus selesai isu kesesakan Klebang



BULATAN Klebang dikenal pasti sebagai antara kawasan utama sering berlaku kesesakan.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KLEBANG - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang agresif merangka pelan bagi mengurangkan kesesakan di kawasan Klebang terutama pada hujung minggu.

Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu berkata, setakat ini terdapat dua fokus yang akan diberi keutamaan iaitu lampu isyarat Batang Tiga dan Bulatan Klebang yang disifatkan sebagai antara punca utama kesesakan.

"Saya sendiri telah membuat tinjauan pada hujung minggu dan mendapati kesesakan di kawasan itu boleh mencapai satu hingga dua kilometer (km) pada waktu puncak.

"Tidak dinafikan suasana itu menunjukkan tanda-tanda sihat kedatangan pelancong dan perkembangan aktiviti ekonomi di kawasan itu, tetapi kita tidak boleh membiarkan keadaan sebegitu dan perlu mencari jalan terbaik.

"Disebabkan jalan di Klebang di bawah seliaan JKR, jadi kita bersama JKR sedang melihat jalan terbaik untuk menyelesaiannya.

"Buat masa ini fokus kita kepada lampu isyarat Batang Tiga dan bulatan Klebang yang menjadi punca sesak di jalan utama," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Zainal berkata, untuk mengatasi masalah berkenaan, ia memerlukan satu kajian terperinci dan perancangan strategik bagi mengenal pasti penyelesaian terbaik yang memerlukan masa untuk diselesaikan.

Beberapa kaedah yang dipraktikkan sebelum ini seperti pelaksanaan jalan se-hala tidak berjaya, malah penggunaan lampu isyarat pintar juga dikhuatir tidak dapat mengawal jumlah trafik setiap hujung minggu.

"Sebab itulah kita perlu mencari titik tengah kepada permasalahan ini dan buat masa ini JKR ada mencadangkan kaedah memanjangkan lampu hijau dan memendekkan lampu merah sebagai antara pelan penguraian trafik yang akan dirangka," katanya.

FOKUS DUN



N15 - PENGKALAN BATU

Peniaga bazar Ramadan perlu utamakan kebersihan

Siti Salehah

PENGKALAN BATU – Peniaga bazar Ramadan di negeri ini diminta agar mengutamakan aspek kebersihan dan tatacara pengendalian makanan yang betul.

Ia bagi mengelakkan berlakunya sebarang keskeracunan makanan sepanjang Ramadan tahun ini.

Lantaran itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu Datuk Kalsom Nordin mengambil inisiatif mengedarkan apron kepada peniaga selain mengingatkan mereka terhadap kepentingan kebersihan di tapak bazar.

Inisiatif itu telah dijalankan di bazar Ramadan Peringgit pada hari pertama Ramadan, 3 April lalu.

Menurut Kalsom, daripada lawatan itu, beliau berpuas hati dengan pengendalian makanan yang diterapkan 95 peniaga di kawasan itu.

Malah, beliau yang juga EXCO Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri berkata, aspek kawalan prosedur operasi standard (SOP) di sepanjang bazar berkenaan juga begitu baik dan terkawal.

"Diharap aspek kebersihan dan pematuhan SOP ini dapat menjadi contoh kepada semua bazar Ramadan di negeri sepanjang Ramadan tahun ini," katanya yang mesra dengan panggilan Kak Som.

Hadir sama dalam lawatan itu ialah Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Peringgit Shafrie Abdullah dan pemimpin se-tempat.



KALSON mengedarkan apron kepada peniaga di bazar Ramadan Peringgit.

N18 - AYER MOLEK

Tunai solat tarawih bersama anak tahfiz



RAHMAD ketika menuaikan solat tarawih bersama anak tahfiz di Surau Tok Kedin, baru-baru ini.

AYER MOLEK - Sambutan Ramadan kali ini pastinya lebih bermakna apabila semua peringkat umur dibenarkan menuaikan solat tarawih di masjid mahupun surau.

Sebelum ini, susulan pandemik COVID-19 bukan hanya bilangan jemaah sahaja dihadkan malah kanak-kanak juga tidak dibenarkan untuk berjemaah bersama.

Suasana yang dirindui selepas dua tahun kini dirasai apabila masjid dan surau pada

Ramadan dipenuhi jemaah menuaikan solat tarawih.

Tidak ketinggalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman yang turut menuaikan solat tarawih di masjid bersama-sama anak tahfiz.

Beliau yang juga EXCO Kerja Raya Negeri, meluangkan masa bertarawih di Surau Tok Kedin, bersama kira-kira 20 anak tahfiz dan juga kariah setempat pada Ramadan keempat lalu.

N23 - TELOK MAS



ABDUL Razak ketika menyantuni penerima kerusi roda, Chong Ah He di Taman Seri Telok Mas pada 3 April lalu.

Warga Telok Mas dibantu tanpa mengira bangsa

Fiqah Jamal

TELOK MAS - Golongan kurang bernasib baik khusus mereka yang mengalami masalah kesihatan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Masterus dibantu tanpa mengira bangsa.

Sebagai tanda prihatin Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman menyerahkan bantuan kerusi roda kepada Chong Ah He yang tinggal di Taman Seri Telok Mas pada 3 April lalu.

Manakala seorang lagi pesakit Bedah Sahak dari Kampung Tambak Bugis pula menerima bantuan katil pesakit sekali gus memudahkan urusan hariannya.

Sementara itu pada sebelah petang Abdul Razak, meluangkan masa di bazar Ramadan Telok Mas untuk meninjau kemeriahan suasana susulan pelbagai kelonggaran diberikan kerajaan.

"Alhamdulillah puasa tahun ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran bazar Ramadan. Walaupun negara kita menuju ke fasa endemik saya meminta supaya agar terus waspada dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dieluarkan (Kementerian Kesihatan Malaysia) KKM."

"Saya cukup teruja dengan kehadiran ramai orang di bazar Ramadan Telok Mas semasa melakukan tinjauan di situ," katanya.

FOKUS
DUN



N25 - RIM

Agih beras kepada penduduk kurang mampu

Liana Sahabudin

JASIN – Menyedari akan kesusahan dialami golongan kurang berkemampuan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar mengagihkan 30 kampit beras bersempena karnival Jualan Kasih Ramadan MAFI dan Parlimen Jasin, 4 April lalu.

"Alhamdulillah, saya berpeluang untuk menyumbang 30 pek beras semasa karnival jualan Kasih Ramadan MAFI dan Parlimen Jasin."

"Untuk makluman semua, Karnival Jualan Kasih Ramadan ini adalah inisiatif yang dibawa Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah merangkap Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1."

"Pelbagai barang keperluan seperti sayur, telur, daging ayam dan bermacam lagi barang dijual pada harga yang cukup menjimatkan."

"Saya ada pesan dengan YB Datuk Seri Ahmad Hamzah, harap program seperti ini akan diperbanyak lagi di daerah Jasin khususnya di RIM," katanya.



DIRA mengagihkan beras lima kilogram dalam karnival Jualan Kasih Ramadan MAFI, baru-baru ini.

N21 - DUYONG



MOHD Noor Helmy mengagihkan bubur lambuk kepada komuniti Taman Desa Duyong.

Kongsi rezeki agih bubur lambuk

Siti Salehah

DUYONG - Bagi mengimarahkan bulan Ramadan pelbagai aktiviti dilakukan penduduk setempat antaranya pengagihan bubur lambuk dalam kalangan komuniti setempat.

Tidak ketinggalan Persatuan Komuniti Taman Desa Duyong, yang mengadakan aktiviti gotong royong memasak dan mengagihkan bubur lambuk pada Ramadan ketiga, 5 April lalu.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Abdul Haleem berkata, program bersama komuniti seperti itu perlu dilakukan kerana ia bukan sahaja dapat berkongsi rezeki malah mengeratkan hubungan silaturahim.

"Saya bersama dengan Penghulu DUN Duyong Izmeer Rahmad meluangkan masa mengagihkan bubur lambuk kepada penduduk. Semoga program sebegini diteruskan lagi."

"Ia bukan sahaja gotong-royong untuk berkongsi rezeki tetapi penduduk juga dapat mengeratkan silaturahim apabila dapat berjumpa serta bertegur sapa," katanya.

500 ekor ayam licin dalam setengah jam

N27 - MERLIMAU



AKMAL membantu proses jualan ayam segar Pasar Pemuda UMNO Jasin di Bandar Merlimau Utara.

Foto: Akmal Saleh

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MERLIMAU – Hanya 30 minit masa yang diperlukan untuk menjual 500 ekor ayam segar pada harga istimewa.

Itu yang berlaku pada program Pasar Pemuda UMNO Jasin yang diadakan di Bandar Merlimau Utara, di sini, 2 April lalu.

Program anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Jasin itu antara lain untuk membantu orang ramai membeli ayam segar pada harga serendah RM5 sekilogram, terhad untuk dua ekor sahaja setiap keluarga.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau merangkap Ketua Pemuda UMNO Jasin Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, program itu diadakan bertujuan meringankan beban orang kampung dalam membeli barang basah sempena menyambut Ramadan yang akan bermula esok.

“Alhamdulillah Pasar Pemuda UMNO Jasin selesai jual 500 ekor ayam untuk semua orang kampung dalam tempoh 30 minit. Insya-Allah kita buat lagi bulan depan ya.

“Semoga ayam ini dapat memberikan senyuman yang indah untuk semua orang kampung,” katanya dalam satu hantaran di Facebook rasminya.

Selain jualan murah, Muhamad Akmal turut tidak melupakan golongan asnaf di DUN Merlimau dengan menghadiahkan ayam segar secara percuma.

Katanya, berdasarkan data yang diterima terdapat 237 keluarga kurang berkecukupan berdaftar yang akan diberikan ayam secara percuma.

“Kepada semua asnaf dan keluarga yang kurang berkemampuan yang telah mendaftar, insya-Allah kepimpinan kampung akan hantar terus ke rumah.. jika tak dapat boleh call (hubungi) mereka ataupun maklumkan kepada kami,” katanya.

FOKUS
DUN



N26 - SERKAM

Masjid Baitulrahman agih 500 bekas bubur lambuk

Fiqa Jamal

SERKAM – Sempena kedadangan Ramadan Jawatankuasa Masjid Baitulrahman Kampung Berangan Enam mengedarkan bubur lambuk selepas bersempena kehadiran Ramadan 2 April lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam Datuk Zaidi Attan berkata, bubur dimasak secara gotong-royong itu diagihkan kira-kira 500 bekas kepada kariah sekitar Kampung Berangan Enam.

Katanya, semangat bergotong-royong masih tebal dalam

jiwa penduduk Serkam meskipun jumlah yang hadir untuk membantu menurun berikutan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Saya sempat menyantuni masyarakat sekitar Kampung Berangan Enam yang bergotong-royong menyiapkan bubur lambuk untuk diagihkan kepada orang ramai.

“Difahamkan penduduk bersama-sama ahli jawatankuasa Masjid Baitulrahman di sini akan edarkan sekitar 400 ke 500 bekas bubur lambuk sempena kedatangan Ramadan,”

katanya.

Terdahulu beliau turut menyantuni dan bersarapan bersama masyarakat sekitar Bukit Tembakau.

Katanya, perkara sedemikian adalah asas untuk beliau mendengar keluhan dan permasalahan setempat yang dialami penduduk warga DUN Serkam.

“Saya sempat ‘mengeteh’ di Warung Talib di Taman Bukit Tembakau dan berjumpa dengan masyarakat untuk saya mendengar keluh kesah mereka daripada akar umbi,” katanya.



ZAIIDI turut membantu mengacau bubur lambuk yang akan diagihkan kepada penduduk.

N28 - SUNGAI RAMBAI



SITI Faizah (kanan) menyerahkan lesen meniaga kepada peniaga bazar Ramadan RNR Sungai Rambai

40 peniaga dapat lesen

Farah Suhaidah Othman

SUNGAI RAMBAI – Kira-kira 40 peniaga makanan dan minuman di Kawasan Rehat dan Rawat (RNR) di sini menarik nafas lega apabila mendapat lesen berniaga di kawasan itu sepanjang Ramadan ini.

Lesen itu disampaikan sendiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Siti Faizah Abdul Aziz di bazar Ramadan RNR kawasan itu.

Jelas terpamer kegembiraan pada riau wajah semua peniaga ter-

abit sebaik sahaja menerima lesen berniaga daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menerusi catatan Facebook, Siti Faizah berkata, beliau singgah di bazar Ramadan RNR Sungai Rambai bagi menyerahkan lesen berniaga kepada semua peniaga terbabit.

“Alhamdulillah, macam-macam pilihan juadah berbuka puasa ada dekat sana,” katanya.

Dalam lawatan itu, beliau turut menyampaikan apron kepada peniaga di kawasan berkenaan.



MIMBAR MAIM

"Dan hendaklah kamu ber tolongan untuk membuat kebaikan dan bertakwa dan janganlah kamu ber tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwa lah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi se siapa yang melanggar perintah-Nya)." (Surah al-Ma'idah, ayat 2).

'Bonus khas' tunai sedekah Ramadan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

RAMADAN adalah sebaik-baik bulan untuk merebut dan meraih 'bonus khas' yang tidak terdapat dalam bulan lain.

Bersedekah adalah merupakan antara amalan yang mesti diraih dan pastinya amat wajar umat Islam menyediakan bajet khusus untuk bersedekah seperti memberi sumbangan makanan kepada orang puasa.

“ Bukan nilai yang diambil kira, namun ketulusan dan keikhlasan hati kita dalam melakukannya yang mendapat ganjaran pahala walaupun ia hanya sebesar zarah. **”**

Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud "Siapa yang memberi makan orang yang berpuasa maka baginya pa-

hala seumpamanya tanpa sedikit-pun kurang pahala orang berpuasa (Riwayat Ahmad, al-Tirmizi dan al-Baihaqi).

Peluang ini perlu diambil dengan menyediakan juadah berbuka puasa bukan shaja untuk keluarga sendiri namun turut digalakkan untuk jiran tetangga, rakan sekkerja dan penduduk kariah.

Usaha ini juga boleh diperluaskan dengan memberi sumbangan kewangan kepada saudara-mara dan masyarakat setempat yang miskin serta mereka yang memerlukan di sepanjang Ramadan ini.

Begini juga kepada pihak masjid dan surau yang memerlukan dana untuk makanan berbuka kepada jemaah golongan yang bermusafir.

Peluang yang ada ini merupakan antara ruang untuk kita meraih ganjaran pahala dan menjadi persoalan adakah kita bersedia untuk melakukannya dengan penuh keikhlasan hati.

Bukan nilai yang diambil kira, namun ketulusan dan keikhlasan hati kita dalam melakukan perkara yang mendapat ganjaran pahala walaupun ia hanya sebesar zarah.

Selain daripada itu peluang untuk melakukan infak pada



Sedekah Dalam Bulan Ramadan

Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sedekah yang paling afdhal (baik) adalah sedekah yang dikeluarkan dalam bulan Ramadan.”

(Sahih Bukhari dan Sahih Muslim)

Ramadan amat terbukaluan kerana banyaknya rumah kebaikan, orang tua dan anak yatim yang sentiasa mengalu-alukan sumbangan orang ramai untuk keperluan warganya.

Jadi rebutlah peluang bersedekah ini dengan sebaiknya kerana ia terbentang sangat luas di hadapan kita jika kita mahu berbuat demikian.

Dalam pada itu diingatkan juga supaya setiap Muslim tidak lupa untuk membayar zakat fitrah yang diwajibkan kepada setiap orang Islam merdeka dan mampu mengeluarkannya untuk diri sendiri dan orang yang berada di bawah tanggungannya.

Justeru bersihkanlah sifat tamak dan kedekut yang merupakan sifat mazmumah menjelang Ramadan kali ini dengan perbaikkan amalan infak dan sedekah.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan



PEGAWAI wakaf MAIM melaksanakan serahan kupon saham wakaf MAIM dan kupon saham wakaf pembinaan Masjid Pulau Besar kepada sebahagian 212 amil yang telah dilantik seluruh negeri ini. Orang ramai khususnya masyarakat Islam juga boleh menunaikan saham wakaf tunai berkenaan menerusi dalam talian atau hubungi MAIM di talian 06-2837416.



PEGAWAI Zakat MAIM Cawangan Merlimau, Izhar Rahim bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan, Akmal Salleh menyantuni sebuah keluarga asnaf yang tidak mempunyai tempat tinggal baru-baru ini. MAIM turut menyediakan sebuah rumah sewa kepada keluarga berkenaan dan turut membantu menyediakan kelengkapan dapur dan barang makanan asasi.



BADAN Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM santuni asnaf di DUN Asahan dan menyampaikan sumbangan katil boleh laras serta sebuah kerusi roda kepada asnaf, Hashim Ahmad yang kini sakit terlantar dan tidak mampu mengurus diri. Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safurra Alim bersama Ketua Unit BSAT, Haziq Abdullah Thani turut me luangkan masa hadir menyampaikan sumbangan lampin pakai buang. Perbincangan ringkas bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkenaan, Fairul Nizam Roslan turut menekankan aspek kebijakan kepada asnaf yang memerlukan dikawasani itu.

Keistimewaan bulan Ramadan



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadil

Ke tua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka.

BULAN Syaaban kian melabuhkan tirainya. Ini bermakna bulan suci Ramadan sedang menghampiri kita. Bulan yang dikenali sebagai penghulu segala bulan ini adalah bulan yang paling ditunggu-tunggu oleh muslimin dan muslimat kerana di dalamnya terdapat banyak keistimewaan. Masyarakat Islam diwajibkan berpuasa sepanjang bulan ini demi menunaikan kewajipan Rukun Islam ketiga.

Ramadan juga merupakan bulan di mana dijanjikan dengan pelbagai ganjaran bagi mereka yang sentiasa mencarinya. Justeru itu, umat Islam digalakkan untuk meningkatkan amal ibadah pada bulan tersebut. Keistimewaan bulan Ramadan juga dijelaskan di beberapa ayat dalam Al-Quran dan juga dijelaskan di beberapa hadith. Ayat dan hadith ini menjelaskan betapa mulia dan istimewanya bulan Ramadan ini. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Apabila sampai bulan Ramadan, pintu-pintu syurga semua dibuka, pintu-pintu neraka pula ditutup dan diikat serta dibelenggu syaitan dan iblis." (*Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim*)

Antara ganjaran yang Allah SWT janjikan pada bulan Ramadan ialah diberikan keampunan, kerahmatan, dimakbulkan doa, dibukakan pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka. Paling istimewa, di dalam bulan suci Ramadan terdapatnya satu malam penuh berkat yang lebih baik daripada seribu bulan. Malam yang hanya muncul pada se-puluh hari terakhir bulan Ramadan ini lebih dikenali dengan Malam Lailatul Qadar yang amat istimewa dan amat dinanti-nantikan ke-

munculannya oleh setiap Muslim yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Rasulullah SAW sendiri turut memohon kepada Allah SWT untuk menemui malam tersebut.

Selain daripada itu, bulan Ramadan juga berkait rapat dengan ibadah Zakat Fitrah. Semua umat Islam termasuk golongan merdeka mahupun hamba, bayi, kanak-kanak hatta orang gila sekalipun diwajibkan untuk melunaskan ibadah Zakat Fitrah sebelum menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Waktu yang terbaik untuk menunaikan Zakat Fitrah ialah sebelum solat sunat Aidilfitri, namun janganlah kita menunggu sehingga kesaat terakhir itu kerana dihukum tika akan terlepas pandang mengenainya.

Sebaiknya, tunaikanlah sejak awal Ramadan kerana ia akan lebih memudahkan urusan serta dapat mengelakkan risiko terlambat atau terlupa untuk menunaikannya. Pastikan juga kita melunaskan Zakat Fitrah hanya kepada amil yang bertauliah dan dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) sahaja. Selain itu, Zakat Melaka juga ada menyediakan perkhidmatan bayaran dalam talian (online) www.izakat.com, QRPay DuitNow, portal MelakaPay, Mobile Apps MelakaPay dan pelbagai medium lagi bagi menunaikan ibadah zakat ini di bulan Ramadan.

Untuk makluman, menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil.1/2022 yang bersidang pada 17 Mac 2022 (Khamis) telah berbincang dan bersetuju dengan kadar Zakat Fitrah bagi negeri Melaka tahun 1443H/2022M mempunyai 3 (tiga) kadar iaitu RM7.00 bagi pengguna beras Super Tempatan / Super Tempatan, RM14.00 bagi pengguna beras Super Import, Thai / Siam, Wangi seumpamanya dan RM21.00 bagi beras Basmathi yang dimakan oleh setiap individu di negeri Melaka.

Sesungguhnya, kedatangan Ramadan dapat memberi kemuliaan sebagai seorang muslim untuk menyantuni sesama saudaranya dengan penuh keikhlasan dan kepatuhan kepada agama. Atas dasar inilah Islam mewajibkan pelaksanaan ibadah zakat sama

"Antara raga naja ran yang Alla h SWT ja njika n pada bulan Ramadhan ia la h dib erika n ke a mpuna n, ke ra hm a ta n, dim a kb ulka n do a, dib uk a ka n pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka ."

ada Zakat Fitrah mahupun Zakat Harta untuk semua umat Islam tanpa mengira umur, jantina dan latarbelakang ekonomi sebagai tanda kasih sayang dan keprihatinan dengan nasib asnaf. Semoga Allah SWT memberi sebaik-baik balasan ke atas segala apa yang telah diberikan dan melimpah berkat ke atas

harta yang ditinggalkan. In Shaa Allah.

Sebarang pembayaran & pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian Whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Zakat Fitrah

1443H/2022M



BERAS SUPER SPESIAL TEMPATAN
(5% hancur)

*Kadar Wajib Bagi Bayaran Zakat Fitrah

*Panduan kiraan mengikut tanggungan

1 orang	RM 7.00	2 orang	RM 14.00	3 orang	RM 21.00
4 orang	RM 28.00	5 orang	RM 35.00	6 orang	RM 42.00

RM7

BERAS SUPER IMPORT

*Galakan Kadar Bayaran Zakat Fitrah Mengikut Jenis Beras Yang Dimakan

Beras Super Import, Beras Perang, Beras Pulut, Herba Pon, Beras Wangi, Beras Jepun & Beras Merah

*Panduan kiraan mengikut tanggungan

1 orang	RM 14.00	2 orang	RM 28.00	3 orang	RM 42.00
4 orang	RM 56.00	5 orang	RM 70.00	6 orang	RM 84.00

RM14



www.izakat.com

RM21

BERAS BASMATHI

*Galakan Kadar Bayaran Zakat Fitrah Mengikut Jenis Beras Yang Dimakan

*Panduan kiraan mengikut tanggungan

1 orang	RM 21.00	2 orang	RM 42.00	3 orang	RM 63.00
4 orang	RM 84.00	5 orang	RM 105.00	6 orang	RM 126.00

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasim, Tel: 06-5294635
- Cawangan Melimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulus Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat - (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi!"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com





Opor Jariah masih popular

Faiz Hasan

PENGKALAN BATU - Nasi Beriani Opor iaitu hidangan istimewa berasal dari Pekan, Pahang antara juadah berbuka puasa menjadi tarikan utama setiap kali bazar Ramadan Jalan Cempaka, di sini, sejak 30 tahun lalu.

Pengusaha gerai terbabit Jariah Mokhtar, 72, berkata, hidangan istimewa itu ditawarkan dengan 25 jenis lauk kepada pengunjung yang singgah.

Dia yang mesra dengan panggilan 'Mak' berkata, hidangan lauk Opor yang dinantikan pelanggan tetap pada kebiasaanya dijual dalam bentuk set.

"Opor ini asalnya hidangan warisan keluarga dari Pekan dan ia merupakan lauk yang dimasak menggunakan pelbagai rempah seperti ketumbar, lada hitam, jintan manis dan jintan putih."

"Opor tak sama macam rendang kerana penggunaan rempah ratusnya lagi banyak dan rasanya juga tidak sama."

"Selain menjual lebih 25 lauk-pauk kami juga menjual set beriani dengan pelbagai hidangan opor seperti opor ayam, opor daging, limpa dan kambing bermula RM10 sehingga RM15 untuk satu set," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Jariah bersyukur kerana dikurniakan



PELANGGAN beratur bagi mendapatkan Nasi Beriani Opor di bazar Ramadan Taman Cempaka. Foto Iqmal Haqim Rosman



JARIAH Mokhtar, 72 (kiri) menunjukkan menu berbuka puasa istimewa, Nasi Beriani Opor yang menjadi tarikan orang ramai dan dijual dengan harga RM10 bagi menu ayam dan daging, manakala RM15 bagi menu kambing di bazar Ramadan Taman Cempaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

kesihatan yang baik untuk berniaga di bazar berkenaan, sekali gus menyaksikan sambutan amat menggalakkan berikut kelonggaran diberikan pihak kerajaan.

"Alhamdulillah tahun ini sangat teruja bila lihat ramai pelanggan yang datang seperti suasana zaman sebelum negara dilanda COVID-19.

"Tapi biarpun dulu selalu berjaya ha-

biskan lima hingga enam gantang nasi dalam sehari berbanding sekarang hanya kira-kira tiga gantang sahaja itu pun sudah syukur bagi saya.

"Resipi rahsia keluarga ini memang setiap tahun dinantikan pelanggan yang datang sehingga sanggup beratur panjang. Malah ada masanya seawal jam lima petang jualan sudah habis," katanya.

SETINGGI-TINGGI
Tahniah

— DIUCAPKAN KEPADA —

TYT TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M

YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

ATAS

PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR EKONOMI PEMBANGUNAN


DARI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Setulus Ikhlas Daripada



Pihak Pengurusan, Doktor Dan Kakitangan
Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn Bhd



Bufet Ramadan: Hanya 14 hotel di Melaka ada sijil halal

Siti Salehah

KLEBANG - Hanya 14 hotel di Melaka mempunyai Sijil Pengesahan Halal (SPH) dan dibenarkan menganjurkan bufet Ramadan pada tahun ini.

Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Datuk Che Sukri Che Mat berkata, bagi pengusaha hotel atau premis makanan yang tidak memiliki sijil ber-

kenaan, mereka tidak dibenarkan sama sekali menggunakan istilah bufet Ramadan dan logo halal pada pengiklanan mereka.

Katanya, antara contoh frasa atau istilah yang tidak boleh digunakan hotel-hotel lain selain 14 hotel berkenaan adalah 'Bufet Ramadan', 'Iftar Ramadan', 'Selera Ramadan', 'Jom Berbuka' dan 'Dijamin Halal'.

"14 hotel yang memp-

unyai sijil halal itu adalah Ames Hotel, Amverton Heritage Resort, Bayou Lagoon Park Resort, Bayview Hotel Melaka dan Hatten Hotel.

"Selain itu, Hotel Pantai Puteri dan Hotel Sentral Melaka, Hotel Sentral Riverview, IBIS Hotel, Kings Green Hotel, LaCrista Hotel Melaka, Mudzaffar Hotel, Rosa Hotel serta The Straits Hotel & Suites," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas mendekati Operasi Plastik Hitam Bersendawa, 3 April lalu.

Menurut Che Sukri, pihaknya bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melakukan pemeriksaan ke hotel-hotel yang tidak mempunyai sijil halal ini bagi memastikan mereka tidak menggunakan logo, frasa atau istilah berkaitan.



CHE SUKRI



SAZALI menunjukkan promosi pakej makan malam yang disediakan Hotel MITC sepanjang Ramadan.

'Kecewa, tapi kami akur'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - "Nak kata tak kecewa itu tipulah. Sudah tentu kami kecewa, tetapi kami terpaksa akur".

Demikian luahan Pengurus Besar Hotel MITC Sazali Sabri berhubung larangan penggunaan istilah dan frasa Bufet Ramadan dan Jom Iftar dalam pengiklanan mereka sepanjang Ramadan.

Ia selepas hotel berkenaan menjadi antara puluhan hotel di negeri ini yang masih belum menerima Sijil Pengesahan Halal (SPH).

Beliau menjelaskan, permohonan untuk mendapatkan SPH

itu sudah lama dilakukan, namun atas beberapa sebab tertentu ia mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

Justeru, beliau yang juga wakil Persatuan Hotel Bajet Melaka (MyBHA) meluahkan rasa kecewa apabila menerima tekanan saat akhir oleh agensi tertentu berhubung penggunaan frasa berkenaan sedangkan pakej bufet Ramadan hotel berkenaan sudah dipromosikan lebih awal iaitu sejak Jan lalu.

"Kita hairan kenapa arahan dikeluarkan terlambat singkat, dua hari sebelum Ramadan dikeluarkan sedangkan ramai ahli-ahli persatuan kita sudah mula buat pro-

mosi dan menguar-uarkan promosi-promosi berbuka puasa ini pada Jan dan Feb lalu.

"Malah ada yang sudah jual early bird voucher dan sebagainya dan tiba-tiba bila dua hari sebelum Ramadan dia cakap tak boleh pakai, jadi kelam kabutlah sikit untuk kita tukar."

"Jadi mahu atau tidak kita terpaksa akur dan tidak lagi pakai (frasa itu), kita perkenalkan pakej kita sebagai Hidangan Makan Malam Hidangan Mengukir Senyuman sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Makan Malam dan Berbuka Puasa di Hotel MITC, 4 April lalu.

Perlu mohon sijil halal tiga bulan lebih awal

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Kesemua 71 pengusaha hotel di bawah Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Melaka perlu mempunyai Sijil Pengesahan Halal (SPH) bagi kebenaran menggunakan istilah atau logo dalam pengiklanan bufet Ramadan.

Presidennya Khairulnizam Kasim berkata, pemilik hotel dinasihatkan untuk membuat permohonan pembaharuan sijil halal tersebut tiga bulan lebih awal sebelum tarikh tamat tempoh.

"Mungkin kebanyakan hotel dalam proses permohonan pembaharuan, hotel saya sendiri pun dalam proses pembaharuan lagi, cuma pembaharuan SPH ini mengambil masa sedikit.



KHAIRULNIZAM

tersebut," katanya ketika dihubungi MHI.

Katanya, biarpun dokumen sudah lengkap bahagian audit akan turun ke lapangan untuk memeriksa sama ada premis tersebut mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Pihak berkenaan akan buat audit di lapangan, mereka akan periksa kebersihan dapur, ada bahan terlarang yang tidak didaftarkan menerusi sistem dalam talian atau tidak, bila tak ikut SOP proses akan tertangguh lagi.

"Biasanya kalau hotel mewah mereka memang sudah mohon pembaharuan lebih awal, cuma hotel-hotel biasa sahaja, kalau buat bayaran lambat, proses buat audit pun akan jadi lambat," katanya.



AYER KEROH - Meskipun berdepan sedikit kesukaran namun pengurusan Hotel Ames komited mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi memastikan pelanggan tidak ragu untuk menjamu selera di hotel itu.

Penolong Pengurus Besar Hotel Ames, Nurashiken Zainal Abidin berkata, perkara itu perlu menjadi keutamaan kepada semua pengusaha hotel di negeri ini.

"Ames Hotel memang ada eksekutif sijil halal sejak dibuka pada tahun 2019... bila bukaje hotel kita usahakan perkara ini yang pertama perlu dilaksanakan."

"Tiada sebarang isu timbul, (meskipun) nak dapatkan sijil halal ni agak susah sedikit sebab dia di bawah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), jadi orang tak boleh ambil sambil lewa."

"Semua perkara kena mengikut prose-

dur operasi standard (SOP) yang teliti (dan) untuk dapatkan sijil ini memang tiada ke longgaran termasuklah faktor kebersihan juga dikira," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Nurashiken berkata, pihaknya mematuhi syarat ditetapkan JAIM untuk mendapatkan sijil berkenaan kerana perkarai amat penting memandangkan kerajaan amat mengutamakan SOP di hotel, bukan sahaja di bazar Ramadan.

Katanya pengusaha hotel sepatutnya lebih peka terhadap isu sijil halal tersebut bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku.

"Saya nasihatkan semua pengusaha ikut arahan, kita tidak mahu orang ragu-ragu, orang boleh buat pilihan lepas ini sama ada nak pergi hotel yang adasijil halal atau tidak," katanya.



WWW.KIBGIM.COM

SMART A+

**SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SEJARAH**

**JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI**
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: SEJARAH**SOALAN STRUKTUR:**

- Nasionalisme mempunyai pelbagai tafsiran berdasarkan sejarah, corak perjuangan dan karisma pemimpinnya. Gerakan nasionalisme yang berlaku di negara Barat telah mempengaruhi kebangkitan nasionalisme di negara kita.
- Nyatakan maksud nasionalisme.

[2 markah]

- Jelaskan peristiwa tercetusnya gerakan nasionalisme berikut:

- Revolusi Keagungan (1688)

[2 markah]

- Revolusi Amerika (1776)


[2 markah]

- Gerakan nasionalisme di Barat telah mencetuskan kesedaran dan kebangkitan memperjuangkan kedaulatan negara.

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada gerakan nasionalisme tersebut?

[4 markah]

- Rajah berikut berkaitan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.



- Nyatakan ciri bertanda berikut:

- X:

[2 markah]

- Y:

[2 markah]

- Jelaskan ciri moden dalam perlembagaan tersebut?

[4 markah]

- Gabungan ciri tradisional dan moden dalam Perlembagaan Persekutuan mewujudkan asas pentadbiran yang unik dan unggul di negara kita. Beri ulasan anda.

[4 markah]

JAWAPAN

- Gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara/bangsanya
 - Merujuk kepada perjuangan orang Melayu mendapat kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri
 - Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen/hak asasi
 - Berlaku kerana Raja James II membelaikan parlimen
 - Ahli parlimen bangkit menentang raja berkuasa mutlak
 - Mendapat sokongan Mary II/ suaminya Raja William of Orange
 - Raja James II melarikan diri ke Perancis
 - Penentangan orang Amerika terhadap British
 - British tidak melindungi hak orang Amerika.
 - Menentang Akta untuk memungut cukai/Akta pelayaran/ Akta Gula/ Akta Setem / Akta Teh.
 - Slogan 'tiada cukai tanpa perwakilan'
 - Menubuhkan kongres dibawah George Washington
 - Kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan
 - Menjamin kesejahteraan hidup
 - Tidak mudah tertipu dengan muslihat musuh/negara asing
 - Perjuangan secara sistematis/berorganisasi
 - Kepimpinan berwibawa/dihormati
 - Kerjasama erat antara pemimpin/ yang dipimpin/ membuatkan kejayaan
- i) X: Bahasa Melayu
ii) Y: Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera
 - b)
 - Kerajaan Persekutuan
 - Pembahagian kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
 - Sistem Demokrasi berparlimen
 - Pilihan raya/rakyat memilih wakil pemimpin.
 - Kewarganegaraan
 - Kerakyatan sama selepas merdeka
 - c)
 - Saling melengkapi mewujudkan pentadbiran yang kukuh
 - Mewujudkan mekanisme semak dan imbang

Utusan Melayu:

The Radical Malay Newspaper



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

ON 21 July 1961, *Utusan Melayu*'s editors, journalists, administrative, printing and other staff totalling some 115 people launched a strike in Kuala Lumpur protesting political intervention on the newspaper. Thirty others in Singapore also joined. The strike lasted for 93 days. They picketed for 24 hours a day opposite the *Utusan Melayu* office at Jalan Lima off Jalan Chan Sow Lin. Many lost their jobs, friends and comrades.

The newspaper *Utusan Melayu* had radical aims from the day Utusan Melayu Press Limited was established on 15 June 1938. In the early days of Malay journalism, the manner in which *Utusan Melayu* appeared was unlike other newspapers. *Utusan Melayu* has been narrated as the first Malay-owned, funded and managed newspaper in Malaysian journalism history. Although the first Bahasa Melayu newspaper in Malaysia appeared in 1876, *Jawi Peranakan*, and many others were financed and led by the Jawi Peranakan and the Hadhrami/ Arab Peranakan community mainly based in Singapore and Pulau Pinang.

In Malay journalism and newspaper history, the initial gathering of about 20 people at the house of Daud Mohamed Shah in Sigoapura, was a little-known watershed event. The purpose of that meeting was to operate a daily newspaper through the offering of shares. Some \$12,500 were raised by a total of 542 shareholders. With the funds, a number of used printing presses were purchased from England, and placed at No. 64, Queen Street. The person assigned the task was Yusof Ishak.

In April 1939, Ishak Muhammad (Pak Sako) and Zainal Abidin Alias (Zabha) left the Arab-owned *Warta Malaya* to join *Utusan Melayu*. *Warta Malaya*'s editor Abdul Rahim Kajai was to follow suit. One month later, the maiden issue of the newspaper appeared on the streets, with the slogan "Malay National Daily Newspaper." It was sold for 10 cents.

The *Utusan Melayu* strike was an event resisting the intervention of political ideology in the organization. It was to prevent the taking over of the company and the newspaper by UMNO. The decision to organize the strike was when UMNO president, Tunku Abdul Rahman sent a member of its Supreme Council, Ibrahim Fikri to be the newspaper's Managing Director cum Managing Editor. Ibrahim immediately transferred *Utusan Melayu*'s Editor Said Zahari to Singapore. He then decreed *Utusan Melayu* to support policies of the government.



Utusan Melayu strike on July 1961.

Said protested in the name of maintaining independence and editorial integrity. He and his colleagues feared that *Utusan Melayu* would be the voice of UMNO. They refused to negotiate with Ibrahim. Instead they had asked to meet with the Chairman of the newspaper's board of directors, Senator Hashim Awang, whom they thought would be sympathetic to their cause – that of an independent press. Their demands to meet the chairman was ignored.

The strike drew public attention. Names like Said Zahari, Usman Awang, Salleh Yusoff, Tajuddin Kahar, Zailani Sulaiman and Rosedin Yaacob were quite well known to the Malay-reading public at the time.

In his 2013 book, *Di Depan Api, Di Belakang Duri: Kisah Sejarah Utusan Melayu*, Zainuddin Maidin, Editor-in-Chief, popularly known as Zam, recalls that Said Zahari and his editors took the opportunity to steer the newspaper away from UMNO by taking a more open and aggressive stance toward Parti Rakyat, the Socialist Front, and supportive of Indonesia. And an uncompromising anti-UMNO position. Said had changed the weekly *Mingguan Utusan Kanak-Kanak* to the *Mingguan Utusan Pemuda* to promote the writings of the socialist and communist groups in Singapore.

Much earlier on, Tunku Abdul Rahman, even before he became UMNO president, had already seen the potential of *Utusan Melayu*, and its importance to the Malays. The Tunku was also a regular contributor to the newspaper, using its pages to transmit his views and values. At the same time, UMNO strongman Hashim Awang, was the biggest

shareholder of the newspaper. He had appointed UMNO members to the newspaper's board. However, Yusof's position as Managing Director was retained.

According to Zam, the Tunku, who wanted to ensure that *Utusan* was cleansed of subversive elements, had one day invited Yusof, together with the newspaper's legal adviser Lee Kuan Yew for dinner. The event at the Tunku's residence was also attended by Aziz Ishak (Yusof's younger brother), who was then the Minister of Agriculture. It was a meeting to discuss the cooperation between *Utusan Melayu* and the government.

The meeting also raised the position of A Samad Ismail. Tunku later signalled Yusof to remove Samad as the newspaper's Deputy Editor. The Tunku had smelled that Samad was "pro-communist or communist." He informed this earlier to Lee Kuan Yew. In the course of preparing his book, *Di Depan Api, Di Belakang Duri*, Zam related to me that Yusof was caught in a dilemma.

Yusof could not easily remove his close friend and confidante for more than 20 years. They were the genesis of *Utusan Melayu*. Yusof did not remove Samad from *Utusan*,

but instead transferred him to Jakarta as the newspaper's correspondent. He was pressured to do so by the Tunku. *Utusan Melayu* was "owned" by Pak Samad and his family as much as by Yusof's. He returned the same year and later became first editor of Berita Harian in Kuala Lumpur.

In the late 1980s, while teaching at a Journalism School in the Klang Valley, I invited Pak Samad as guest lecturer. Later I asked him on why he was transferred to Jakarta in 1957. His answer never came.

NEXT WEEK:

The Maria Hertogh Tragedy: The Dream of Karim Ghani

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



DR. SHANKAR GUNARASA

SHANKS SURGERY

PUNDI hemedu adalah organ yang terletak di hati. Ia berfungsi sebagai 'kilang' penyimpan hemedu (bile) yang dihasilkan di hati. Hemedu penting untuk penyerapan dan penceraan lemak. Apabila makanan yang sedang dicerna melalui bahagian usus kecil (duodenum), hormon yang dipanggil Cholecystokinin dilepaskan bagi merangsang pembebasan hemedu. Kandungan hemedu ini terdiri daripada air, lemak, kolesterol, protein dan bilirubin.

Batu pundi hemedu yang terjadi terdiri daripada dua jenis iaitu batu kolesterol dan batu hemedu pigmen. Batu hemedu ini juga dikenali dalam istilah perubatan sebagai Cholelithiasis. Batu kolesterol ini terjadi kepada individu obesiti, perempuan yang hamil dan juga ubatan yang mengandungi estrogen yang tinggi. Manakala, untuk batu hemedu berpigmen, ia terjadi disebabkan oleh kematian sel darah yang banyak seperti pesakit yang mengalami sickle cell anaemia (anaemia sel sabit), thalassemia atau hati cirrhosis. Pembesaran pundi hemedu disebabkan saiz batu yang semakin bertambah akan menyebabkan rasa tidak keselesaan di bahagian abdomen.

Batu hemedu boleh menyebabkan jangkitan dan menyebabkan keradangan di pundi hemedu yang dinamakan Acute Cholecystitis. Sekiranya ini berlaku, pesakit terpaksa mendapat rawatan antibiotik untuk mengurangkan keradangan di pundi hemedu dan dipantau selama 48-72 jam.

Sekiranya gagal, pembedahan cholecystectomy terpaksa dilakukan untuk membuang pundi hemedu yang telah dijangkiti. Ramai juga pesakit saya tertanya-tanya jika pundi hemedu di keluarkan, apakah kom-

Waspada jangkitan pundi hemedu dan batu hemedu


plikasi di badan kita? Seperti yang telah saya huraikan tadi, pundi hemedu bersifat sebagai 'kilang' untuk menyimpan cecair hemedu. Apabila 'kilang' tersebut dikeluarkan, cecair hemedu akan terus mengalir ke usus kecil kita dan menyebabkan kesan sampingan sementara seperti crit-birit, pembuangan gas berlebihan, makanan lemak yang susah dihadamkan, loya, muntah dan ada segelintir pesakit akan menghidapi sakit abdomen. Fenomena ini dinamakan 'post cholecystectomy syndrome' di mana simptom-simptom ini akan reda selepas beberapa minggu. Namun sindrom ini terpaksa dipantau selepas pembedahan. Sekiranya masalah ini berlarutan lebih lama, anda perlu berjumpa dengan pakar bedah yang telah membedah anda.

Batu di pundi hemedu boleh juga tersoket di saluran hemedu menuju kebahagian usus, menyebabkan cecair hemedu tidak boleh dikeluarkan ke dalam usus. Ini menyebabkan proses penyingkir bilirubin dari hati terganggu. Perkara ini lah yang akan menyebabkan mata seseorang pesakit itu kelihatan kuning yang disebabkan kandungan bacaan bilirubin yang tinggi. Jika ini berlaku prosedur ERCP atau endoscopic retrograde pancreaticography terpaksa di lakukan untuk mengeluarkan batu yang tersoket di saluran hemedu.

Apakah faktor yang boleh menyumbang kepada pembentukan batu pundi hemedu? Antaranya ialah:

1. Jantina

Golongan wanita hampir dua kali ganda lebih cenderung untuk mendapat masalah batu pundi hemedu. Hormon estrogen ini menyebabkan penghasilan kolesterol yang tinggi yang akan mengganggu keseimbangan cecair hemedu dan menghasilkan pigmen batu kolesterol di pundi hemedu. Estrogen juga akan mengurang



kan daya kecutan pundi hemedu yang sekali gus akan menyebabkan 'stasis' cecair hemedu di pundi hemedu.

2. Berat badan

Obesiti salah satu faktor di mana adanya kandungan kolesterol yang tinggi.

3. Diet makanan

Pemakanan makanan berlemak dan kolesterol tinggi adalah salah satu penyumbang kepada pembentukan batu kolesterol hemedu.

4. Kencing Manis

Boleh menyebabkan kandungan asid lemak yang tinggi yang boleh menyebabkan kandungan triglyceride dan kolesterol yang tinggi.

5. Umur

Statistik menunjukkan usia lebih 60 tahun cenderung untuk menghidapi masalah ini. Tetapi kebelakangan ini, golongan muda lebih kerap menghidapi masalah ini kerana cara pemakanan dan gaya hidup yang tidak sihat.

Apakah simptom-simptom yang perlu diberi perhatian? Kebanyakan simptom-simptom masalah pundi hemedu ini akan mirip simptom gastritis. Oleh itu memang sukar untuk mengenal pasti masalah ini melainkan dengan pemeriksaan fizikal oleh pakar bedah. Simptom yang lazim dipaparkan oleh pesakit ialah:

- Sakit di tepi ulu hati, lebih ketara selepas memakan makanan yang berlemak
- Demam
- Loya dan muntah
- Kuning mata, sekiranya batu hemedu tersoket di saluran hemedu

- Demam yang tinggi

Terdapat beberapa diagnosa lain yang boleh mempunyai simptom yang sama seperti:

- Keradangan pankreas
- Kanser pankreas
- Cholangiocarcinoma atau kanser di saluran hemedu
- Kanser pundi hemedu


Bagaimanakah doktor dapat mengenal pasti masalah keradangan pundi hemedu daripada masalah masalah yang lain? Biasanya doktor akan memeriksa secara fizikal abdomen pesakit dan selepas itu akan menjalankan beberapa ujian antaranya:

- Ujian darah untuk mengenal pasti jangkitan kuman
- Ujian radiologi seperti ultrasound abdomen atau CT scan abdomen untuk melihat tahap keradangan pundi hemedu, mengenal pasti jika ada nanah di pundi hemedu atau juga melihat batu hemedu di saluran hemedu
- ERCP- Prosedur ini dilakukan sekiranya pesakit mempunyai batu hemedu tersoket di saluran hemedu.

Rawatan

Kebanyakkan batu pundi hemedu adalah tidak simptomatis atau tidak memberi sebarang masalah. Pesakit yang simptomatis, perlu diwadkan, diberi ubat tahan sakit dan juga antibiotik. Sekiranya sakit ini tidak dikawal, pembedahan cholecystectomy akan dilakukan dan dilakukan secara laparoskopik. Sekiranya pesakit itu "jaundice", ERCP akan dilakukan terlebih dahulu sebelum pembedahan cholecystectomy.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut mengenai masalah pundi hemedu, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopik dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131 atau no. whatsapp Klinik Dr. Shankar Gunarasa +6014 363 9705.



Bufet Ramadan guna konsep kenduri kahwin

Faris Haikal Zakaria

TELOK MAS - Jika bufet ramadan di hotel selalunya dikaitkan dengan elemen persekitaran mewah dan eksklusif, namun berbeza bagi Hotel Temasek yang menggantik pengunjung mengimbau kembali musim kenduri kahwin.

Dengan menawarkan harga pakej serendah RM43.90 bagi dewasa, pengunjung dapat menikmati kira-kira 50 makanan wari-san sambil dihiburkan oleh iringan muzik dan persembahan nyanyian tradisional Melayu.

Pemilik Selera Warisan D'Temasek, Mohamad Suhaimie Sujojo, 35 tahun berkata, konsep yang diketengahkan itu sedikit berbeza

kerana dia yang juga pengusaha katering sebelum ini mendapat banyak permintaan daripada pelanggan untuk mengelakkan hidangan yang sinonim di majlis keramaian dan perkahwinan pada bulan Ramadan.

"Keistimewaan ada- lah pada keenakan makanan yang kami sajikan untuk pelanggan sebab ramai yang sudah mengenali kami dalam bidang katering sebelum ini."

"Menu yang kita sajikan pula bertukar setiap hari. Contohnya kita ada nasi beriani, daging dendeng, sambal udang, ayam masak lemon, sate, masak lemak nenek kurau tapi yang paling istimewa adalah kambing golek."

"Harga pula memang



MOHAMAD Suhaimie

berpatutan dan kita ada promosi sehingga 10 April ini hanya RM43.90 bagi dewasa, RM31.90 bagi kanak-kanak dan untuk warga emas RM31.90 sahaja.

"Jikatida promosi har- ganya RM54.90, warga emas dan kanak-kanak RM 39.90," katanya kepada Melaka Hari Ini.



ORANG ramai yang mencuba bufet Ramadan di Hotel Temasek.

Menurutnya lagi, konsep bufet ala-ala kenduri

kahwin itu adalah unik sempena meraikan pembukaan sempadan pada 1 April lalu dan seterusnya mempromosikan kebudayaan negeri ini.

"Selain kita ada persem- bahan tradisional, kita juga sediakan pelamin untuk pe- langgan datang bergambar dengan Baju Kebangsaan,

macam kita pergi kendurilah.

"Insya-Allah selepas ini kita akan bawakan persem- bahan ghazal, kompong dan sebagainya dan saya rasa ini- lah masa tepat untuk tarik orang luar Melaka dan Singa- pura untuk datang," katanya.

Sementara itu, rakan Pengurusnya, Zahid Salim, 33 tahun menyayarkan pi- haknya mampu mencapai

kapasiti penuh pelanggan di hotel Temasek itu iaitu sera- mai 300 pelanggan pada satu-satu masa.

"Jangan ragu-ragu un- untuk datang menikmati pakej kami di hotel Temasek ini sebab saya janji anda akan terubat rindu dengan mas- kan ibu apabila datang ber- buka puasa di sini sehingga 29 Ramadan ini," katanya.

Telur asin dapat permintaan tinggi

Din Ahmad

AYER LIMAU - "Alhamdulillah, permintaan telur asin pada Ramadan kali ini meningkat berbanding tahun lalu dan 2020 kerana tiada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," kata usahawan wanita, Dahlia Md Dali, 48.

Usahawan terbabit sanggup bermandi keringat semata-mata untuk memastikan 3,000 biji telur asin yang dipesan pelanggan pada Ramadan kali ini, disiapkan mengikut jadual.

Bermula dua minggu sebelum Ramadhan, Dahlia menguatkan semangat dan usaha bagi memastikan pelanggan menikmati telur asin berkualiti tinggi dihasilkan melalui kaedah merendam telur itik dalam air garam selama 10 hingga 14 hari.

Katanya, pada Ramadhan 2020 dan tahun lalu, dia hanya mampu memasarkan antara 10 hingga 20 telur asin sehari, namun sekarang mencecah hingga 150 biji telur sehari.

Dengan memasukkan 12 telur asin dalam satu balang, Dahlia hanya mengena- kan caj RM 10 kepada pelanggan yang kebanyakannya mereka adalah peniaga gerai makan, bazar Ramadhan dan individu.

"Saya bergantung kepada 250 itik telur diternak suami untuk mendapatkan beka- lan telur. Setiap hari boleh kutip 100 hingga 150 biji telur, namun ada masa boleh mencapai 200 biji."

"Bukan semua itik bertelur setiap hari, ia bergantung kepada faktor pemakanan dan cuaca. Kalau itik makan banyak dan cuaca panas, lebih banyak pengeluaran



DAHLIA membersihkan telur itik sebelum direndam dalam air garam antara 10 hingga 14 hari di Kampung Telok Berembang, Lubuk Cina

telur.

"Namun jika berlaku kilat sabung-me- nyabung, tidak banyak itik yang bertelur," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Telok Berembang, di sini, 5 April lalu.

Taman TEKNOLOGI CHENG

Siap dengan CCC

Map showing the location of Taman Teknologi Cheng, including surrounding landmarks like Sekolah Kebangsaan Cheng, Licorn Caseworks Sdn Bhd, Kawasan Perindustrian Cheng, and various roads like Jalan Kuching, Jalan TTC 68, Jalan Sungai Melaka, Jalan IKS Merdeka, and Jalan Zin Cohn.

06- 334 5555 www.teobros.com

Pemaju:
CAPITAL FARMOSA SDN. BHD. 346783-K
(Co. No. 362284-U)

ZEB 張兄弟發展有限公司
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD. RENDA

Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3, Kawasan Perindustrian Malim Jaya, 75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06- 336 0551

Tidak 'gelap mata' jumpa wang RM500

Norizan Abdul Muhid

BANDA HILIR - Sikap amanah seorang kakitangan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), memulangkan wang tunai RM500 milik pengunjung yang tercincir mendapat ganjaran sewajarnya apabila ditawarkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

Mohd Nor Abd Rahman, 41, diraikan pada majlis khas pada 5 April lalu oleh Pengurus Lembaga Pengarah Perzim, Datuk Akramuddin Abdul Aziz dan Pengurus Besarnya, Mohd Nasruddin Rahaman.

Pada majlis sama Mohd Nor turut menerima sijil penghargaan sebagai menghargai kejujurananya.

Menurut Akramuddin, Mohd Nor telah menunjukkan nilai integriti yang tinggi dan sewajarnya mendapat perhargaan atas nilai-nilai murni yang dipamerkan oleh kakitangan tersebut.

"Saya cadangkan kepada pihak pentadbiran PERZIM agar dapat menyenaraikan Mohd Nor sebagai antara kakitangan yang mendapat APC akhir tahun ini.

"Ini berdasarkan integriti dan sikap cemerlang yang ditunjukkan beliau dan pada masa yang

sama, kita merasakan wajar juga kita raikan mana-mana kakitangan lain yang pernah berbuat demikian seperti beliau," katanya.

Menurut Akramuddin, tindakan Mohd Nor itu bukan sahaja memamerkan integriti yang tinggi malah menaikkan imej

serta nama baik negeri Melaka dan Perzim.

Katanya, ia bukanlah kejadian pertama kakitangan PERZIM memulangkan wang tunai atau barang berharga milik pengunjung yang tercincir.

"Tahun lepas sahaja, ada dua

atau tiga kes kakitangan Perzim memulangkan barang berharga kepada pengunjung, kalau barang tidak dituntut, ia akan disimpan selama tiga bulan," ujarnya.

Sementara itu, Mohd Nor berkata, dia menjumpai wang tunai tersebut berselerakan di atas

rumput dalam kawasan letak kereta Muzium Kapal Selam se-waktu meronda di kawasan itu pada 1 April lalu.

Katanya, kejadian itu bukanlah pertama dilaluinya kerana sebelum itu dia pernah menjumpai beg pengunjung yang mengandungi wang tunai dan beberapa barang berharga dua tahun lalu.

"Tetapi ketika itu, saya hanya menyerahkan semula barang tersebut kepada pemiliknya setelah dia datang menuntut di kaunter muzium.

"Berbeza kali ini, kejadian terbaru ini ditularkan oleh rakan setugas dan mendapat perhatian pihak pentadbiran PERZIM.

"Saya rasa sesiapa sahaja yang menjumpai wang tunai tersebut akan memulangkan kepada pemiliknya kerana itu bukan hak kita, wajarlah dipulangkan kepada empunya," katanya.

Dia yang sudah berkhidmat sebagai pembantu operasi Muzium Kapal Selam sejak 20 tahun lalu berharap apa dilakukan menjadi teladan dan contoh kepada orang lain untuk sentiasa berbuat baik kepada sesiapa sahaja walaupun tiada pertalian bangsa atau agama.



AKRAMUDDIN menyampaikan sijil penghargaan PERZIM kepada Mohd Nor di pejabat Perzim dekat Banda Hilir.



PROMOSI RAMADAN RAYA (Februari - Mei 2022)

Iklan Serendah

RM100

PAKEJ PROMOSI AKHBAR

Top Blurb Ad Frontpage

- 2 halaman + PERCUMA 2 halaman + 20% diskain
- rekagrafik dari Melaka Hariini
- pertukaran rekagrafik hanya sekali. Caj tambahan RM30 untuk setiap perubahan seterusnya
- info dan foto disediakan oleh pelanggan
- Percuma 1 artikel 'halfpage' utama produk di akhbar dan portal Melaka Hariini
- Percuma 2 keluaran iklan di facebook dan Instagram

RM640

Bottom Blurb Ad Frontpage

- 2 halaman + PERCUMA 1 halaman
- rekagrafik dari Melaka Hariini
- pertukaran rekagrafik hanya sekali. Caj tambahan RM30 untuk setiap perubahan seterusnya
- info dan foto disediakan oleh pelanggan
- Percuma 1 artikel 'halfpage' utama produk di akhbar dan portal Melaka Hariini
- Percuma 1 keluaran iklan di facebook dan Instagram

RM600

Panel Ad Frontpage

- 2 keluaran + PERCUMA 2 keluaran
- rekagrafik dari Melaka Hariini
- pertukaran rekagrafik hanya sekali. Caj tambahan RM30 untuk setiap perubahan seterusnya
- info dan foto disediakan oleh pelanggan
- Percuma 1 artikel 'fullpage' utama produk di akhbar dan portal Melaka Hariini
- Percuma 2 keluaran iklan di facebook dan Instagram

RM2400

Medium Square Inner Page

- 2 keluaran + PERCUMA 2 keluaran
- terhad kepada 9 slot iklan setiap keluaran
- rekagrafik dari Melaka Hariini
- pertukaran rekagrafik hanya sekali. Caj tambahan RM30 untuk setiap perubahan seterusnya
- info dan foto disediakan oleh pelanggan
- Percuma 1 artikel 'fullpage' utama produk di akhbar dan portal Melaka Hariini
- Percuma 2 keluaran iklan di facebook dan Instagram

RM400



Aidilfitri: 90,000 kenderaan dijangka masuk Melaka

Siti Salehah

AYER KEROH - Polis Melaka menjangkakan hampir 90,000 kenderaan luar akan memasuki negeri ini menjelang Aidilfitri awal Mei depan.

Timbalan Ketua Polis negeri Datuk Razali Abu Samah berkata, jangkaan peningkatan jumlah kenderaan itu susulan perantau yang pulang ke kampung selain segelintir yang menggunakan cuti musim perayaan untuk melancong.

"Pada 1 April lalu selepas pembukaan sempadan negara tiga pintu masuk utama ke negeri ini menunjukkan peningkatan dengan jumlah keseluruhan 45,203 kenderaan.

"Memang kitajangka berlaku kesesakan di pintu masuk utama

negeri ini pada Aidilfitri nanti, orang ramai menggunakan peluang yang ada untuk berjumpa sanak saudara.

"Apapun, orang ramai diingatkan agar terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) meskipun banyak kelonggaran diberikan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Kempen Keselamatan Rumah dan Pengedaran Bubur Sempena Bulan Ramadan 2022 yang turut dihadiri EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zaidi Attan serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman, di hadapan pusat beli-belah Melaka Mall, 6 April lalu.

Dalam perkembangan lain, Razali berkata, pihaknya belum



JUMLAH kenderaan memasuki Melaka dijangka meningkat menjelang Aidilfitri. Foto: MR Azli

mengeluarkan sebarang permit permohonan kebenaran penjualan mercun dan bunga api walau-pun telah menerima beberapa permohonan.

"Setakat ini kita menerima 21 permohonan penjualan mercun dan bunga api sekitar Alor Gajah dan Melaka Tengah namun ianya masih dalam proses kelulusan.

"Beberapa kriteria dan syarat perlu diambil sebelum kita luluskan termasuk lokaliti serta senarai mercun yang dibenarkan dijual," katanya.

80 'port' kaki ponteng dikesan JAIM

KLEBANG - Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) mengenal pasti 80 lokasi panas yang sering menjadi tumpuan kumpulan 'kaki ponteng puasa' sepanjang bulan Ramadan.

Pengarahnya Datuk Che Sukri Che Mat berkata, lokasi itu dikenal pasti pihaknya hasil serbuan operasi dan risikan yang dilakukan pihaknya sebelum ini.

Beliau berkata, sepanjang ramadan ini penguatkuasa JAIM di tiga daerah di negeri ini akan melakukan operasi setiap hari bagi mengesan dan mengenal pasti lokasi tumpuan orang Islam yang tidak berpuasa.

"Sebanyak 80 lokasi 'hotspot' dikenal pasti JAIM di seluruh Melaka dan daerah Melaka Tengah merekodkan kawasan paling banyak berbanding Jasin dan Alor Gajah.

"Antara yang menjadi tumpuan kaki ponteng puasa adalah

premis bukan beragama Islam selain anggota penguatan kuasa juga akan lakukan penyemaran bagi mengenal pasti premis lain yang turut menjual makanan kepada mereka yang tidak berpuasa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengetuai Operasi Plastik Hitam Bersendawa, 3 April lalu.

Menurut beliau, selain mereka yang didapati tidak berpuasa, peniaga yang bersubahat menjual makanan kepada kaki ponteng juga boleh dikenakan tindakan tegas.

Tindakan itu, katanya termasuklah kompaun RM 1,000 mengikut Seksyen 49 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.

"Sepanjang Ramadan tahun lalu sebanyak 77 kes berjaya dihasilkan JAIM dengan daerah Jasin merekodkan keterbanyak dengan 38 kes, diikuti Melaka Tengah (35) dan Alor Gajah (4)," katanya.



PENGUATKUASA JAIM menyerbu tempat yang dipercayai port menghisap rokok dalam 'Op Plastik Hitam Bersendawa' sempena bulan Ramadan di Bukit Rambai, Melaka. Foto: MR. AZLI



PENGUAT KUASA KPDNHEP membuat pemantauan harga di bazar Ramadan seluruh Melaka.

100 'mata-mata' pantau premis, bazar Ramadan

AYER KEROH - Hampir 100 pegawai dan anggota penguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka digerakkan sepanjang Ramadan ini bagi aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, kesemua mereka termasuk pegawai pemantau harga yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan akan bergerak ke lapangan seawal jam 4 pagi melakukan pemeriksaan di premis. Beliau berkata, penguatku-

asaan dan pemantauan dilakukan membabitkan semua peringkat rantai pengeluar, pemborong dan peruncit bagi mengawal berlaku kenaikan harga.

"Kita tidak tertumpu di satu peringkat sahaja sebalik semua rantaian dipерiksakan kerana dari situ kita dapat lihat kenaikan itu bermula dari pihak mana."

"Pemantauan sudah dilakukan bermula semalam dan penguatkuasa akan keluar seawal pagi sehingga jam 10 malam termasuklah ke bazar Ramadan seluruh Melaka," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan pemerhatian, pihaknya tidak menafikan berlakunya kenaikan harga barang, namun ia tidak keterlaluan.

"Hasil daripada pemantauan dilakukan, kita dapat berlaku kenaikan harga antara 15 hingga 20 peratus."

"Kita berharap peniaga dan pengusaha tidak terbabit dengan mencatut atau mengambil keuntungan berlebihan sehingga menganaya pengguna," katanya.

Mengulas lanjut, Norena berkata, KPDNHEP akan turut memantau kadar harga bagi buffet ramadan yang ditawarkan di hotel-hotel di negeri ini.

Hasil daripada pemantauan dilakukan, kita dapat berlaku kenaikan harga antara 15 hingga 20 peratus

'Bang Chik' jatuh ke tanah jua

Siti Salehah

AYER KEROH - Seorang penganggur yang aktif menjalankan kegiatan pecah tabung masjid sekitar negeri ini dicekup polis di sebuah rumah di Pantai Puteri, di sini, 1 April lalu.

Lelaki berusia 33 tahun dikenali dengan panggilan 'Bang Chik' itu ditahan kira-kira jam 12.15 tengah malam oleh sepasukan polis daripada Bahagian Risikan Jenayah (D4) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka.

Ketua Polis Melaka Datuk Zainol Samah berkata, hasil siasatan awal suspek mengaku terbabit dalam 23 kes pecah tabung masjid iaitu 16 sekitar daerah Melaka Tengah, enam di Alor Gajah manakala satu lagi di Jasin.

"Siasatan dilakukan juga mendapati suspek aktif melakukan jenayah itu sejak Jan tahun ini sehingga 30 Mac lalu dan dia bergerak seorang diri.

"Malah suspek turut mengaku melakukan jenayah samadi beberapa surau serta masjid di

Negeri Sembilan.

"Suspek dikatakan akan masuk ke surau atau masjid yang kebanyakannya tidak berkunci antara jam 12 tengah malam hingga 5 pagi sebelum pecahkan kunci mangga pada tabung," katanya.

Zainol berkata, suspek menggunakan wang diperoleh hasil aktiviti jenayah dilakukan untuk membeli dadah dan perbelanjaan harian lain termasuk membaiki motosikal.

"Setiap kali memecah tabung suspek mendawak memperoleh hasil RM5 hingga RM500, ketika serbuan dijalankan kami turut merampas sejumlah wang daripadanya.

"Turut dirampas adalah dua buah motosikal peralatan dan pakaian dipercaya digunakan suspek ketika melakukan jenayah itu," katanya.

Mengulas lanjut, Zainol berkata, semakan dilakukan mendapati suspek mempunyai 13 rekod jenayah lampau dan enam rekod bersabit kes dadah.

"Suspek yang kini direman disiasat mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan," katanya.



PAKAIAN dan peralatan disyaki digunakan suspek ketika melakukan kegiatan pecah tabung masjid.

SIAP DENGAN CCC
Hak Milik Kekal

Taman Paya Rumput Utama, Cheng Melaka

RUMAH TERES 2 TINGKAT 22'/24' X 70'

PELAN LOKASI

Bumiputra Sahaja

Pemaju: HARTAMAS INDAH SDN. BHD. (755259M)

TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.
(Co. Reg. No. 352220-A)

Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3, Kawasan Perindustrian Malim Jaya, 75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06- 336 0551

06- 334 5555
www.teobros.com

Guru rugi RM42,000 dijerat cinta palsu

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Seorang guru wanita berputih mata apabila kerugian RM42,000 gara-gara terpedaya dengan sindiket 'love scam' seorang lelaki yang dikenali menerusi laman Facebook.

Mangsa berusia 27 tahun itu dikatakan berkenalan dengan lelaki yang menggunakan nama Alberta A Adams menerusi laman sosial itu pada 3 Mac lalu sebelum berhubung melalui aplikasi WhatsApp.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri, Superintendant E Sundra Rajan berkata sepanjang perkenalan itu, suspek memberitahu mahu memberikan hadiah kepada mangsa sebagai tanda perkenalan.

Katanya, antara hadiah dijanjikan termasuk kasut jenama Dior, iPad Pro, kasut jenama Adidas, barang kemas, pakaian dan wang tunai USD3,000 (RM12,631).

"Pada 29 Mac lalu, suspek memberitahu barang tersebut telah dihantar ke alamat rumah mangsa dan wanita itu mengesahkan memang ada barang yang sampai di Kuala Lumpur selepas mangsa membuat semakan menerusi laman sesawang 'Fast Express Shipping'.

"Bagaimanapun, suspek memaklumkan barang tersebut ditanah oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana mempunyai wang tunai yang banyak dan tiada sijil pengesahan," katanya.

Sundra Rajan berkata, mangsa bagaimanapun diminta oleh suspek untuk membuat bayaran bagi melepaskan barang tersebut sebelum menurut permintaan itu dan membuat bayaran secara berperingkat.

"Mangsa yang percaya telah mengikut



arahuan suspek dan membuat bayaran secara berperingkat sejak 30 Mac hingga 1 April lalu berjumlah RM42,000 atas pelbagai alasan termasuk untuk bayaran pengesahan sijil dan bayaran peguam.

"Selepas pembayaran dibuat, suspek menjanjiakan barang tersebut akan sampai di alamat rumah mangsa pada 1 April namun sehingga kini barang tersebut masih tidak diterima sebagai mana dijanjikan.

"Malah, suspek masih meminta mangsa untuk membuat bayaran RM5,000 bagi kos penghantaran namun mangsa tidak mengikut arahan tersebut kerana percaya dirinya diperdaya," katanya.

Menyedari dirinya ditipu, Sundra Rajan berkata mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Melaka Tengah pada 2 April lalu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Katanya, orang ramai diminta supaya berhati-hati dalam mencari kenalan di laman sosial dan dinasihatkan untuk membuat semakan nombor akaun serta nombor telefon suspek menerusi laman web <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> atau memuat naik aplikasi Semak Mule CCID.

Dilema peniaga Jalan Hang Tuah

Siti Salehah

BANDARAYA MELAKA

- Kedai terlindung dan tiada parkir kendaraan untuk pelanggan singgah ke premis mereka, menjadi antara permasalahan disuarakan beberapa peniaga di Jalan Hang Tuah, di sini.

Peniaga berkenaan mendakwa, deretan khemah dipasang di tapak bazar Ramadan mengganggu operasi perniagaan mereka, malah ada yang mendakwa pendapatan mula terjejas.

Dakwa mereka keduakan khemah terlalu hambar menyebabkan kedai terlindung dan berharap tindakan segera diambil untuk membantu peniaga di kawasan itu.

Pengusaha premis Abdul Razak Ali, 70, berkata, sepatutnya mereka yang terabit dalam penganguran perlu melihat daripada semua sudut bagi mengelakkkan masalah menimpa peniaga sedia



PENIAGA Sheikh Abdul Aziz menunjukkan keadaan khemah Bazar Ramadan yang mengganggu dan menghalang pemandangan premisnya di Jalan Hang Tuah, Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

ada.

"Sebelum ini sehari boleh dapat 15 orang pelanggan, tetapi sejak khemah dipasang memang berkurang. Dulu dari jauh sudah nampak kedai tetapi

kini terlindung.

"Kita tidak marah penanjur adakan bazar ini cuma pihak berwajib perlu tengok cara itu bagaimana sepatutnya susun atur khemah perlu berkonsep mesra

kepada semua," katanya.

Seorang lagi peniaga Syed Abdul Aziz, 72, berkata, jika keadaan berlutan sudah pasti dia akan kehilangan pelanggan berikutnya premis menjual ko-

piah, kain batik dan pelikat diusahakan terlindung sebalik khemah.

"Tahun sebelum ini pendapatan sudah terjejas akibat COVID-19 jadi harapan tahun ini dapat jualan

tetapi perkara seperti ini pulak berlaku.

"Ada juga pelanggan yang cakap, dia tidak dapat ke kedai saya kerana perlu parkir kereta jauh, sudah pasti ini menjadikan operasi," katanya.

Sementara itu, wakil pengajur Mohd Asrol Amiruddin berkata, untuk melakukan susun atur semula lokasi khemah yang sudah siap dipasang mungkin berdepan kesukaran selain mengambil masa.

"Mungkin selepas ini kita akan buat lebih baik susunannya selain kita juga akan berbincang dengan peniaga sedia ada bagi meminta pandangan. Untuk kali ini pun kita ada berjumpa dengan beberapa peniaga.

"Untuk kali ini kita hendak tukar tempat mahu pindahkan peniaga bazar mungkin mengambil masa dan akan jadi isu. Jadi kami mohon untuk satu bulan ini sahaja," katanya.

'Tentera cilik' laung seruan tarawih

Faris Haikal Zakaria

PENGKALAN BATU - Lebih 30 sukarelawan yang terdiri dalam kalangan kanak-kanak daripada Unit Bergerak Masjid Nur As-Saa'dah membuat hebatan aktiviti masjid termasuk solat sunat tarawih sepanjang Ramadan ini.

Menariknya, kanak-kanak berkenaan membuat hebatan mengenai aktiviti di masjid mengelilingi kampung dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda.

Malah Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pengkalan Batu yang mengendalikan aktiviti itu turut membekalkan alat pembesar suara bagi memudahkan lagi hebatan dijalankan.

Pengerusi masjid, Datuk Amzah Osman berkata, usaha aktiviti bermula 2 April lalu itu memberi hebatan dan mengajak penduduk kampung menyertai program-program masjid sekali gus menjadikannya sebagai 'rumah kedua' se-

panjang Ramadan ini.

"Aktiviti hebatan ini adalah sempena Ihya' Ramadan di mana budak-budak ini akan membuat hebatan setiap petang untuk mengajak penduduk kampung datang ke masjid mengerjakan tarawih, tadarus, iftar dan qiamullail.

"Sukarelawan ini terdiri daripada anak-anak program istiqamah subuh 40 hari yang dianjurkan masjid sebelum ini dan mereka dihadiahkan basikal.

"Meskipun sudah dapat basikal tetapi mereka masih datang mengimarahkan masjid menunjukkan hati mereka ikhlas mahu berada di masjid," katanya.

Tambah Amzah, dia seronok melihat aktiviti itu berjaya menarik minat jemaah dalam kalangan kanak-kanak untuk ke masjid.

"Nampak disiplin mereka bertambah baik dengan dipantau pegawai syarak dan apa yang penting suasana di masjid semakin meriah dengan kehadiran mereka ini," katanya.



ANTARA Unit Bergerak Masjid Nur As-Saa'dah yang melakukan hebatan di kampung dan kawasan perumahan bagi menarik kehadiran orang ramai menuaikan tarawih di masjid.



**SEDA
DIKUNJungi..**

**Taman Puncak
Bertam
• MELAKA •**



**RUMAH TERES
2 TINGKAT 22' X 70'**



Hak Milik Kekal

**RUMAH BERKEMBAR
2 TINGKAT 40' X 80'**



06- 334 5555

www.teobros.com

发展商:
TEOBROS 张兄弟发展有限公司
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.
(Co. No. 25222-A)
Lot 81 & 88, Jalan IKS MJ 3, Kawasan Perindustrian Malim Jaya,
75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06- 336 0551

Jalan baharu Tebong-Hutan Percha

Pendekkan masa perjalanan, bawa limpahan ekonomi

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MACH AP JAYA - Pengguna jalan raya dan penduduk sekitar Alor Gajah serta sempadan Negeri Sembilan dijangka boleh menggunakan jalan baharu Tebong-Hutan Percha, selepas Aidilfitri bulan depan.

EXCO Kerja Raya Negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, jalan luar bandar kategori R2 dengan lebar tiga meter selorong dan panjang 5 kilometer (km) itu kini telah siap, namun masih berada dalam tanggungan kecataan.

Katanya, jalan berkenaan bakal memberi manfaat kepada penduduk sekitar dan orang ramai memandangkan ia mampu memendekkan kira-kira 70 peratus masa perjalanan sebaik dibuka secara rasmi.

"Kerja-kerja pembinaan jalan baharu ini telah bermula pada 22 Mac 2018 lalu dengan menelan kos lebih RM31 juta.

"Jalan baharu ini akan menjadi jalan pintas bagi penduduk dari

Pekan Tebong yang hendak ke Hutan Percha yang mana masa perjalannya dapat dependekkan daripada 30 minit menjadi 10 minit sahaja selepas jalan ini dibuka.

"Buat masini, kita jangkakan jalan ini akan dibuka selepas Hari Raya Aidilfitri, namun tarikh sebenar akan dimaklumkan kemudian," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Rahmad yang juga EXCO Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Pengurusan Banjir Negeri berkata, pembukaan jalan baharu itu juga diyakini dapat menghidupkan sektor ekonomi di kawasan itu.

"Jalan ini mampu memberi kesan kepada sektor ekonomi perlادangan di kawasan sekitar dan pada masa sama memberi kemudahan kepada perkampungan Orang Asli.

"Terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang merelisasikan jalan baharu ini," katanya lagi.

Sementara itu, seorang peng-



RAHMAD (kiri) ketika meninjau keadaan jalan baharu Tebong-Hutan Percha yang akan dibuka secara rasmi selepas Aidilfitri.

guna jalan raya, M Mayakrishnan, 53, yakin pembukaan jalan baharu itu bakal memberi manfaat khususnya kepada pembangunan kawasan berkenaan.

"Saya lihat jalan baharu ini bukan sahaja memberi keselesaan

kepada pengguna malahan akan meningkatkan lagi taraf ekonomi penduduk sekitar kawasan ini apabila jalan ini dibuka.

"Kemungkinan taman perumahan akan dibina dan saya lihat sistem perparitan yang dibuat di

kedua-dua sisi jalan baharu ini juga bagus.

"Penduduk di Kampung Hutan Percha hendak kepek Tebong membeli barang sudah mudah dan dekat selepas ini apabila jalan ini dibuka secara rasmi," katanya.

200 pengembara dijangka masuk Melaka melalui jalan air

Siti Salehah

AYER KEROH - Segala persiapan untuk menerima kedatangan pengembara dari luar melalui jalan udara dan air ke negeri ini siap sepenuhnya dilakukan kerajaan negeri.

EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri Datuk Zaidi Attan berkata, apabila pintu sempadan melalui air dibuka, Melaka dijangkakan akan menerima kira-kira 200 pengembara setiap hari.

Katanya, majoriti daripada jumlah dijangka merupakan pengembara yang datang dari Indonesia.

Beliau berkata, persiapan di Kompleks Kastam Imigresen Dan Kuarantin (CIQ), Kota Laksamana dan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) Batu Berendam, sudah siap sepenuhnya termasuk pusat kuarantin bagi menempatkan pengembara yang didapati positif COVID-19.

"Semua persiapan untuk menerima pengembara dari luar sudah kita susun sebaik mungkin dengan prosedur operasi standard (SOP) malah setiap proses juga kita sudah perincikan ini bagi memastikan apabila kita terima pelancong atau pengembara semuanya sudah siap.


"Kita kini sedang menunggu dari negara jiran untuk pembukaan pintu sempadan malah kalau pintu sempadan dibuka kita jangkakan seharian akan terima 200 pengembara dari Indonesia ke negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Kempen Keselamatan Rumah dan Pengedaran Bubur Sempena Bulan Ramadan 2022, di Melaka Mall, 6 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Polis Melaka Datuk Razali Abu Samah dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman.



ZAIIDI (tengah) mengedarkan bubur lambuk kepada orang ramai sempena Ramadan.



Waris arwah Azizan Baba terima pencebulanan RM867.30

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BERKAT mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), bantu kepada bekas pemain bola sepak Melaka Mohd Azizan Baba bersama lapan anaknya menerima Faedah Penakat berjumlah RM867.30 sebulan.

Bayaran pencebulanan itu akan dibayar kepada bala arwah sepanjang hayat dan kepada anak-anaknya sehingga berumur 21 tahun.

Selain Faedah Penakat, waris arwah turut menerima Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM2,000 secara one-off daripada PERKESO.

Faedah tersebut telah disampaikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bersama Pengarah PERKESO Melaka, Abd Razak Omar di kediaman keluarga arwah di Jalan Tun Perak, Kampung Bakar Batu, di sini.

Menurut Sulaiman, pemergian arwah yang juga bekas pengendali Kelab SAMB FC dan Melaka United Bawah 14 tahun itu disifatkan sebagai satu kehilangan besar dalam dunia sukan negara.

"Pemergiannya sudah pasti dirasai semua peminat bola sepak Melaka, malah saya secara peribadi turut mengenali arwah yang merupakan orang lama dalam bola sepak Melaka.

"Di pihak kerajaan negeri, kita sedia membantu walau apa jua yang diperlukan. Saya difahamkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga sudah menguruskan borang permohonan bagi bantuan-bantuan lain.

"Jika ada keperluan lain untuk anak-anak arwah, kerajaan negeri melalui agensi juga sedia membantu dari segi program anak angkat dan sebagainya," katanya.



SULAIMAN ketika menziarahi kediaman keluarga arwah Azizan Baba di Kampung Bakar Batu, Bachang. Foto Iqmal Haqim Rosman

SSNM julang Piala Datin Seri Utama Munira 2022



MUNIRA menyampaikan piala kepada SSNM yang muncul johan selepas menewaskan No-T Girls pada perlawanan akhir. Foto: MUSA

Fiqa Jamal

PASUKAN Bolasepak Wanita Sekolah Sukan Negeri Melaka (SSNM) muncul johan Kejohanan Liga Bola Sepak Wanita Piala Yang Amat Berhormat (YAB) Datin Seri Utama Munira 2022 di Stadium Hang Jebat, di sini, 1 April lalu.

Pasukan SSNM menewaskan No-T Girls dengan keputusan 4-2 dalam perlawanan akhir yang berlangsung sengit itu.

Kemenangan SSNM dalam kejohanan yang juling kali diadakan itu mem-

bolehkan mereka merangkul piala pusingan, medal dan wang tunai RM3,000.

Manakala pasukan No-T Girls yang muncul naib johan membawa pulang medal dan wang tunai RM2,000.

Dua lagi pasukan iaitu AG Tigers dan NDFPLadies membawa pulang hadiah saguhati RM1,000 beserta medal.

Kesemua hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Datin Seri Utama Munira Yusop yang juga isteri Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman

Md Ali.

Hadir sama EXCO Belia dan Sukan negeri, VP Shanmugam; EXCO Hal Ehwal Wanita negeri Datuk Kalsom Nordin serta Exco Wanita dan Perubatan Persatuan Bolasepak Melaka United MUSA), Dr Siti Faidul Maisarah Abdullah.

Untuk rekod, kejohanan yang juling kalinya diadakan itu telah berlangsung bermula 5 Mac lalu dimainkan secara liga empat pasukan dengan dua pasukan terbaik mara ke perlawanan akhir bagi merebut gelaran juara.

Misi pertahan Piala Tun Sharifah Rodziah

PASUKAN bola sepak wanita Melaka United tekad mengekalkan kejuaraan Piala Tun Sharifah Rodziah (PTSR) 2022 yang dijadualkan bermula bulan Ogos depan.

Pengurus pasukan, Dr Siti Faidul Maisarah Abdullah berkata misi pasukannya pada edisi kali ini adalah untuk tidak cepat melatah.

Sebaliknya, katanya, persiapan dan latihan pemain sedang giat dijalankan memandangkan edisi kali ini lain daripada tahun-tahun sudah.

"Kejohanan PTSR edisi tahun lalu dibatalkan kerana pandemik COVID-19, jadi edisi tahun ini banyak lagi yang perlu diperkemaskan.

"Antaranya, corak permainan dan barisan pemain dalam untuk bermain dalam pasukan Melaka," katanya.

Terdahulu, pada 25 Mac,

media melaporkan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) akan perkemaskan lagi saingan Piala Tun Sharifah Rodziah.

Memetik laporan, beberapa pindaan dilakukan Jawatankuasa Eksekutif FAM kali keempat bagi penggal 2021-2025 bagi membudayakan bola sepak dalam kalangan kaum hawa.

Antara pindaan yang dilakukan ialah johan peringkat zon dan tiga pasukan naib johan terbaik dari peringkat zon akan layak beraksi di PTSR yang dijadual diadakan selepas berakhirnya Kejohanan Bolasepak Wanita AFF.

Selain itu, FAM juga bersetuju memberarkan penyertaan pasukan secara terus tanpa memerlukan sokongan daripada persatuan negeri (FA).



SITI Faidul Maisarah (kiri) melihat aksi Datin Seri Utama Munira M Yusop menendang bola sebagai simbolik majlis penutup Piala Yang Amat Berhormat (YAB) Datin Seri Utama Munira 2022 di Stadium Hang Jebat. Foto: MUSA



Sukan

MELAKA HARI INI



Semangat yang hilang...



PEMAIN Melaka United menujukkan isyarat tiga yang didakwa seolah-olah menggambarkan tempoh pembayaran gaji mereka yang tertungggak. Foto: MUFC

Fiqah Jamal

MASALAH dalam menjadikan antara punca Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) memampulkan aksi kurang berterengah dalam saingan Liga Malaysia musim ini.

Ketua Jurulatihnya, Risto Vidakovic tanpa berselindung mengakui isu tunggakan gaji antara penyebab anak buahnya hilang fokus dan motivasi sejak akhir-akhir ini.

"Kalau dahulu saya sering marah pemain kerana lewat untuk menjalani latihan, dan hari ini saya sudah tahu mengapa dan saya cuba memahami keadaan mereka, pemain telah berikan yang terbaik dan semampu mereka.

Dalam pada itu, pengendali dari Bosnia & Herzegovina itu turut menyifatkan isu tunggakan gaji yang melanda beberapa kelab dalam negara merupakan sikap tidak profesional dalam arena bola sepak.

Katanya, sebagai jurulatih beliau sukar untuk meningkatkan motivasi pemain di atas padang ketika perlakuan apatah lagi ketika menjalani latihan kerana pemain berasa ter-

arena bola sepak, saya menceburia arena ini pada umur 17 tahun dan kini saya sudah 53 tahun.

"Hal ini tidak sepatutnya berlaku jika ingin melihat pasukan ini pergi lebih jauh, pemain perlu ada motivasi dan motivasi datang dari perkara penting (gaji)," katanya dalam sidang media selepas perlawanan Melaka United FC menentang Sabah FC di Stadium Hang Jebat, di sini, 5 April lalu.

arena bola sepak, saya menceburia arena ini pada umur 17 tahun dan kini saya sudah 53 tahun.

Justeru, beliau merayu pihak pengurusan agar mengambil langkah proaktif dalam menyelesaikan isu tunggakan gaji pemain yang difahamkan dua hingga tiga bulan itu.

Sementara itu, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dalam satu sidang media pada 7 April meminta pengurusan Melaka United FC segera menyelesaikan isu gaji pemain yang tertungggak.

Sulaiman berkata, isu gaji tertungggak itu kini dibawah tanggungjawab kelab sepenuhnya selepas ia diswastakan dan bukan lagi menjadi tanggungjawab negeri atau Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA).

"Saya tahu masalah gaji mungkin berlaku kerana ada gaji pemain terlalu tinggi, tetapi pihak kelab perlu bayar secara keseluruhan, tak bolehlah pilih-

pilih pemain.

"Jika tidak ia boleh melemahkan semangat pemain dan mereka akan demotivated," katanya.

Ditanya mengenai punca berlaku tunggakan gaji pemain MUFC, Sulaiman berkata, pihaknya

tidak menerima sebarang makluman mengenai perkara itu, sebaliknya ia hanya diketahui pihak pengurusan kelab berkenaan sahaja.

"Punca kena tanya MUFC sendiri, saya memang tidak tahu apa punca

sehingga terjadi lagi isu sama.

"Cuma yang saya tahu, masalah gaji ini bukan sahaja berlaku di Melaka, tetapi mana-mana kelab di Malaysia juga mempunyai masalah yang sama," katanya.

LIGA SUPER MALAYSIA

Jadual perlawanan Melaka United 2022

SRI PAHANG FC	VS	MELAKA UNITED FC	VS	MELAKA UNITED FC	VS	NEGERI SEMBILAN FC
16 APRIL 2022 SABTU STADIUM DARUL MAKHRU			20 MEI 2022 JUMAT STADIUM HANG JEBAT			
KEDAH DARUL AMAN FC	VS	MELAKA UNITED FC	VS	MELAKA UNITED FC	VS	SARAWAK UNITED FC
6 MEI 2022 JUMAT STADIUM DARUL AMAN			25 JUN 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT			
MELAKA UNITED FC	VS	SELANGOR FC	VS	MELAKA UNITED FC	VS	JOHOR DARUL TA'ZIM FC
10 MEI 2022 SELASA STADIUM HANG JEBAT			2 JULAI 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT			
TERENGGANU FC	VS	MELAKA UNITED FC	VS	MELAKA UNITED FC	VS	
17 MEI 2022 SELASA STADIUM SMZA						

www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini

Melaka Tv

Grafik : Melaka Hari Ini Sumber : Malaysian Football League (MFL)



- KONSERT NUR NAJAH - CAHAYA KEJAYAAN MBMB 2022
- MAJLIS BACAAN YASSIN PERDANA
- CABUTAN BERTUAH PEMBAYAR CUKAI MBMB
- e-SPORT BATTLE MELAKA CHAMPIONSHIP 2022

- CERAMAH PERDANA
- BANDARAYA BERSELAWAT
- ACTIVE RUN
- PERTANDINGAN CERIA RAYA

Jom

Layari Media Sosial Rasmi
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
untuk maklumat lanjut



Majlis Bandaraya
Melaka Bersejarah



mbmb.official



@MBMBOfficial



www.mbmb.gov.my

Selamat Memyambut

Ulang Tahun
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

19

15 APRIL 2022

IKHLAS DARIPADA:
DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS, KETUA-KETUA JABATAN
DAN SELURUH WARGA MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

#KawalanDiri
#MelakaMestiMenangCOVID19
#SejahterakanBandarayaku
#MelakaHistoricCityCouncil



Malaysia
MENANG
BERSAMA

